Gambar 1: Ujilari Sistem Robot Pemantauan Kecemasan Nuklear dan Radiologikal di gudang penyimpanan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.

ANUGERAH KETERLIBATAN INDUSTRI

KATEGORI KUMPULAN/PROJEK

Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan Othman **Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga**



Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan Othman ialah penyelidik terkemuka dalam teknologi membran di Universiti Teknologi Malaysia. Pencapaian beliau yang luar biasa termasuk memperoleh dana besar daripada rakan industri seperti UMW Holdings, PETRONAS, dan UTMSpace untuk projek-projek inovatif dalam rawatan air dan teknologi sel bahan api. Usaha kolaboratif beliau telah menghasilkan penyelesaian inovatif seperti bioreaktor membran dan sistem penyulingan membran bertenaga solar. Penglibatan Prof. Mohd Hafiz telah memenangi pelbagai anugerah dan menghasilkan penerbitan bersama serta paten dengan rakan industri. Kejayaan beliau dalam menghubungkan akademik dan industri telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan aplikasi teknologi membran di Malaysia.

ANUGERAH PENGAJARAN

KATEGORI KEJURUTERAAN

Prof. Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah binti Datu Wan Alwi **Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga**



Prof. Ir. Ts. Dr. Sharifah Rafidah binti Datu Wan Alwi ialah seorang Profesor di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, UTM dan telah berkhidmat selama 20 tahun. Beliau gemar meneroka idea-idea baharu dalam pengajaran dan pembelajaran seperti konsep pengajaran berteraskan penyelidikan dan penggunaan teknologi pembelajaran terkini di dalam kelas. Salah satu inovasi beliau adalah Projek Reka Bentuk Capstone berkonsepkan Verbund yang telah meraih Anugerah Emas dalam Pameran dan Pertandingan NALI 2022. Beliau juga aktif dalam pengajaran berkonsepkan HyFLEX dan telah menghasilkan satu kursus MOOC serta 10 kursus Micro-Credential. Beliau telah diiktiraf sebagai UKCGE Recognised Research Supervisor 2024. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Editorial untuk International Journal of Higher Education and Sustainability dan ahli jawatankuasa European Committee for The Use of Computers in Chemical Engineering Education (EURECHA). Prinsip hidup beliau adalah, "Pembelajaran dan penyelidikan tidak sepatutnya terhenti di dalam makmal tetapi perlu dilaksanakan di semua peringkat kehidupan termasuk penambahbaikan diri, mengajar orang lain serta menyelesaikan masalah industri dan masyarakat."

ANUGERAH PENGAJARAN

KATEGORI SAINS SOSIAL

Dr. Norah binti Md Noor **Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**



Dr. Norah Md Noor merupakan Pensyarah kanan di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan serta Timbalan Pengerusi Sekolah Pengajian Siswazah yang menguruskan Unit Pembangunan Sistem dan Professional. Sepanjang kerjaya di UTM, beliau telah menganggotai pelbagai *Taskforce* dan Jawatankuasa berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran di peringkat Sekolah, Fakulti dan Universiti. Pada tahun 2023, beliau memenangi Anugerah Pengajaran dalam Majlis Apresiasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Salah satu inovasi pembelajaran beliau yang menggabungkan *Model 5E (Engagement, Exploration, Explanation, Elaboration dan Evaluation)* dengan Pembelajaran Berbalik (*Flipped Learning*) terbukti membantu mengatasi isu penglibatan pelajar dalam talian, meningkatkan pencapaian dan kemahiran ICT yang menjadi satu kemahiran penting dalam era Revolusi Industri 4.0. Beliau turut menjalankan pelbagai kajian serta menerbitkan artikel berkaitan pendidikan berasaskan teknologi dan inovasi pembelajaran serta menjadi rujukan rakan-rakan pensyarah, tidak hanya di UTM tetapi juga di institusi lain bagi mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran secara efektif.

ANUGERAH PENASIHAT AKADEMIK

Prof. Madya Dr. Norizah Hj. Redzuan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



Prof. Madya Dr. Norizah Hj Redzuan berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti of Galsgow telah berkhidmat selama 26 tahun di UTM. Pernah menjawat portfolio sebagai Penolong Pendaftar di FKM pada tahun 1998-2003. Kemudian pada Disember 2003 beliau telah dilantik sebagai Pensyarah di FKM UTM. Berbekalkan pengalaman 21 tahun sebagai staf akademik, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Akademik dan memegang tanggungjawab tersebut selama 17 tahun.

Kini, beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Materials, Manufacturing and Industrial Engineering, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan memiliki kepakaran dalam bidang Cold Plasma Technology, Microdrilling, Welding and Machining.

Berpegangkan kepada falsafah bahawa **"Anak-anak PA adalah Amanah dan Tanggungjawab. Mereka adalah pelajar dan juga 'anak' saya di UTM. Mereka dekat dengan hati saya"**, Dr Norizah telah terlibat aktif dalam pelbagai aktiviti bersama pelajar, antaranya seperti:

- i. Aktiviti berbuka puasa;
- ii. Perjumpaan berkala;
- iii. Jamuan makan malam bersama pelajar yang tamat peperiksaan akhir & Projek Sarjana Muda;

- iv. Program Global Outreach Program (GOP) di Korea pada dari tahun 2011 hingga 2015;
- v. Lawatan industri dan penganjuran program bersama industri di Royal Selangor Pewter dan Johor Plantations di Sungai Johor Eco Retreat, Kota Tinggi, Johor

Peranan dan sumbangan bakti ikhlas beliau sebagai Penasihat Akademik dibuktikan dengan penzahiran ucapan penghargaan daripada pelajar, bekas pelajar dan ibu bapa pelajar atas. Hubungan dengan pelajar tidak terputus setakat graduasi, malah beliau mengekalkan hubungan dengan bekas pelajar seperti menjemput mereka ke majlis perkahwinan anaknya, menghadiri majlis perkahwinan bekas pelajar, dan aktiviti *bonding* lain yang dijalankan secara fizikal mahupun sering berkomunikasi dalam media sosial.

Atas naluri keibuan dan keprihatinan yang tinggi, beliau turut menziarahi bekas pelajar antarabangsa yang kematian suami dan terlibat dalam urusan kematian pelajar di bawah penasihatnya (Allahyarham Mohamad Hanif bin Mohamed Harith) yang meninggal akibat kemalangan.

ANUGERAH PEREKACIPTA

KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI

Ts. Chm. Dr. Faizuan Abdullah **Fakulti Sains**



DTs. ChM. Dr. Faizuan Abdullah merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau merupakan perekacipta utama bagi teknologi Oil2Wang™, Molluscure®, NanoBlast™ dan NemaMed™. Dr. Faizuan adalah ketua kumpulan penyelidikan Separation Science and Technology (SepSTec) dan bidang kepakaran beliau ialah kimia analisis terutama analisis alam sekitar dan analisis elektrokimia. Dr. Faizuan mempunyai minat yang mendalam inovasi dan pengkomersialan dan pernah menerima Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Paten pada tahun 2017. Motto hidup beliau ialah “Be The Best and Help The Rest” sesuai dengan inovasi-inovasi yang dihasilkan yang bersifat menyelesaikan masalah alam sekitar, pencemaran makanan, rawatan air dan juga pencegahan penyakit tropika. Dr. Faizuan menganggotai pelbagai badan profesional dalam dan luar negara termasuk Institut Kimia Malaysia (IKM), Young Scientist Network Academy Sains Malaysia (YSN-ASM), Persatuan Sains Analisis Malaysia (ANALIS), Persatuan Air Malaysia (MWA), dan juga Royal Society of Chemistry (RSC)

ANUGERAH PEREKACIPTA

KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI

Prof. Madya Ts. Dr. Harisun Ya'akob **Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga**



Prof. Madya Ts. Dr. Harisun Ya'akob merupakan felo penyelidik di Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) dan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Mempunyai kepakaran dalam teknologi pemprosesan makanan dan nutraseutikal lebih 20 tahun beliau telah berjaya berkolaborasi dengan banyak syarikat tempatan dalam menghasilkan produk seperti ubat batuk nanas, pengganti gula dan beberapa produk nutraseutikal. Inovasi beliau telah menyumbang kepada beberapa pelesenan teknologi UTM serta mendapat pengiktirafan memenangi anugerah inovasi di pertandingan rekacipta dan inovasi dalam dan luar negara. Inovasi yang dicetuskan mampu menyumbang kepada pembangunan industri makanan negara sejajar dengan program Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) menjelang 2030 dalam meluaskan potensi penggunaan sumber hasil tempatan bagi keterjaminan makanan. Memegang kepada prinsip 'Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik' beliau berharap dapat menghasilkan lebih banyak inovasi yang memberi impak positif dalam perkembangan ekonomi negara disamping menyumbang manfaat kebaikan kepada masyarakat Malaysia

ANUGERAH PEREKACIPTA

KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI

Ts. Dr. Jaysuman bin Pusppanathan Fakulti Kejuruteraan Elektrik



Ts. Dr. Jaysuman bin Pusppanathan merupakan seorang perekacipta yang aktif dalam usaha inovasi dan pembangunan produk. Beliau telah berjaya mendaftarkan lebih dari 20 Harta Intelek (IPR) yang mencerminkan ketokohan beliau dalam arena penyelidikan & inovasi (*Research & Innovation*). Dedikasi beliau dalam bidang penyelidikan dan inovasi telah membuahkan hasil dengan meraih lebih daripada 30 anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa. Anugerah-anugerah ini menjadi bukti pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam mencipta penyelesaian yang berinovatif dan berimpak tinggi.

Selain itu, Dr. Jaysuman juga telah berjaya mengkomersilkan lebih daripada tiga produk hasil penyelidikannya, yang telah memberi manfaat kepada industri dan masyarakat. Salah satu produk beliau yang terkenal adalah Drone Edu Challenge IR 4.0 (DEC4IR), yang telah dikomersialkan sejak tahun 2020. Produk ini bukan sahaja memajukan bidang teknologi drone di Malaysia, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian Aim4star melalui penglibatan strategik antara kerajaan, universiti, komuniti, dan industri (GUCI).

Dengan segala pencapaian ini, Dr. Jaysuman berharap agar hasil penyelidikannya dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat dan menjadi satu bentuk amal jariah. Aspirasi beliau adalah untuk melihat inovasi yang dihasilkan bukan sahaja sebagai pencapaian peribadi, tetapi juga sebagai sumbangan yang berharga kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara.

ANUGERAH PEREKACIPTA

KATEGORI SAINS SOSIAL

Prof. Madya Dr. Nor Hasniza Ibrahim **Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**



Prof. Madya Dr. Nor Hasniza Ibrahim merupakan pensyarah dalam bidang pendidikan kimia dan STEM di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau seorang yang aktif dan berinovatif dalam memperkasa pendidikan STEM di Malaysia.

Beliau telah terlibat dengan aktif dalam membangunkan Modul Cabaran Inovasi STEM, dan seringkali memberikan pendedahan mendalam tentang aktiviti STEM di sekolah-sekolah. Selain itu, beliau juga menerbitkan pelbagai penulisan berimpak hasil daripada penghasilan modul STEM dan pelaksanaannya, yang telah memberikan sumbangan besar kepada komuniti pendidikan.

Beliau telah berkolaborasi dengan pelbagai pemegang taruh untuk memperluaskan lagi impak inisiatif STEM. Antara pemegang taruh yang terlibat termasuk: Yayasan Inovasi Malaysia, Kementerian Sains dan Teknologi Malaysia, Pengerang Integrated Petroleum Complex, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Telaga Biru, Sekolah Menengah Hidayah, Jabatan Kemajuan Orang Asli, IPG Temenggong Ibrahim

Selain itu, Beliau juga turut menyumbang kepada ekonomi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui penjualan modul-modul di peringkat komuniti dan antarabangsa. Sehingga kini, beliau telah berjaya memperoleh sebanyak 40 hak cipta yang terdiri daripada modul dan kit pembelajaran. Antara modul yang dibangunkan oleh beliau adalah:

- Modul Cabaran Inovasi STEM
- Modul STEM Bermula Dari Rumah
- Modul Q STEM
- Modul STEM Belantara

Berinovasi dalam mendidik anak bangsa adalah prinsip hidup beliau. Beliau percaya bahawa dengan memupuk inovasi, pendidikan STEM dapat menjadi lebih dinamik, inklusif, dan berkesan, sekali gus menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk menghadapi revolusi industri 5.0.

ANUGERAH PEREKACIPTA

KATEGORI SAINS SOSIAL

Prof. Madya Dr. Mohamad Rasidi bin Pairan **Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**



Prof. Madya Dr. Mohamad Rasidi bin Pairan merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pendidikan Teknologi dan Kejuruteraan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, mempunyai kepakaran dalam bidang rekabentuk dan simulasi bendalir. Berbekalkan pengetahuan dan pengalaman, beliau telah menginovasikan mesin perahan kelapa bagi kegunaan perusahaan Industri Kecil Sederhana (IKS). Idea inovasi ini telah mendapat sokongan daripada Yayasan Inovasi Malaysia. Hasilnya beberapa buah mesin kelapa telah berjaya dibangunkan dan diserahkan kepada pengusaha IKS antaranya telah diserahkan kepada pengusaha IKS di Manong, Perak, melalui Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, kepada wakil Agro Ternak Koperasi Perak Berhad. Reka bentuk mesin ini juga telah menarik minat industri untuk bekerjasama dengan beliau, justeru itu beliau telah dianugerahkan 3 geran industri yang berkaitan dengan projek ini. Reka bentuk mesin kelapa ini juga telah berjaya dipatenkan. Selain itu, inovasi ini telah meraih anugerah inovasi terbaik di peringkat fakulti pada tahun 2023. Justeru itu beliau berharap agar terus dapat memberi manfaat kepada masyarakat

ANUGERAH PERUNDINGAN

Nature-based Tourism Plans For Alula Protected Areas

Ketua Projek : Profesor Dr. Amran bin Hamzah

Tourism Planning Research Group (TPRG) merupakan kumpulan penyelidikan (*Research Group*) di Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) diketuai oleh Prof. Amran bin Hamzah yang telah berkecimpung dalam kerja-kerja perundingan dan penyelidikan selama lebih 30 tahun. Dalam tempoh ini, TPRG telah diberi kepercayaan mengetuai lebih daripada 150 projek perundingan dengan menghasilkan polisi/dasar, strategi dan pelan pembangunan di pelbagai peringkat, dari peringkat antarabangsa, negara, wilayah dan negeri hinggalah di peringkat tempatan.

Sebagai contoh, TPRG melalui Uni-Technologies Sdn Bhd (UTSB) diberi kepercayaan oleh Kementerian Pelancongan Seni, Budaya (MOTAC) untuk mengetuai penyediaan dua dokumen dasar utama negara iaitu Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 – 2030 dan Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016 – 2025. Di peringkat negeri dan wilayah pula, TPRG diberi kepercayaan untuk menghasilkan antaranya Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023, Blueprint Pelancongan Putrajaya 2032 dan Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035.

Namun, pencapaian tertinggi TPRG ialah penghasilan dua dokumen Dossier bagi pengiktirafan UNESCO iaitu Bandaraya Ipoh telah memperolehi UNESCO Creative City Network (UCCN) pada tahun 2023 dan pencalonan Taman Negara Niah sebagai UNESCO World Heritage Site (WHS) yang akan diketahui keputusannya pada Julai 2024.





Pada tahun 2023, sesuai dengan motto “Go Global!”, TPRG telah memenangi tender organisasi antarabangsa International Union for Conservation of Nature (IUCN) dan Kerajaan Arab Saudi melalui Royal Commission for AIUla (RCU) untuk menyediakan “Nature-Based Tourism Plans for AIUla Protected Areas”.

Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) turut melantik TPRG untuk menghasilkan “Handbook on Rebuilding Rural Tourism in APEC Economies by Utilising Green Recovery Strategies” dan seterusnya menganjurkan bengkel latihan kepada pegawai-pegawai tertinggi dari 11 negara APEC yang dijangka berlangsung pada Ogos 2024 di Kinabatangan, Sabah.

Pada ketika ini, TPRG sedang mengetuai projek perundingan lantikan MOTAC bagi menambah baik dan menggubal Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] yang dijangka tamat pada Mei 2025.

Sesungguhnya TPRG telah berjaya meyakinkan klien-kliennya bahawa penyelidik-penyelidik UTM juga mampu untuk mengendalikan projek berimpak tinggi berkeberhasilan setaraf dengan firma antarabangsa. Kepercayaan mereka telah mengukuhkan reputasi TPRG sebagai pusat rujukan perancangan pelancongan terulung yang mana tenaga kepakarannya diiktiraf dan pandangan profesionalnya diguna pakai untuk pembangunan lestari bukan sahaja di dalam negara dan serantau malah di peringkat global sekalipun. Suatu pencapaian yang mengharumkan nama UTM khasnya dan Malaysia amnya.

ANUGERAH PERUNDINGAN



Pelan Pengurusan Kawasan Tadahan Air (ICMP) Empangan Machap, Kluang, Johor

Ketua Projek : Prof. Dr. Zulkifli Bin Yusop

Empangan Machap sangat penting sebagai sumber bekalan air dan tebatan banjir. Empangan yang dibina pada tahun 1982 ini direka bentuk untuk mengurangkan intensiti banjir di hilir Sungai Benut dan menyimpan takungan air bagi memenuhi permintaan air yang semakin meningkat. Empangan ini terletak di antara 3 pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Yong Peng dan Majlis Daerah Simpang Renggam. Disebabkan intensifikasi dan kesan perubahan iklim, empangan ini berhadapan ancaman alam sekitar dan hidrologi. Justeru, Pelan Pengurusan Kawasan Tadahan Air (ICMP) dibangunkan untuk memastikan aktiviti guna tanah dikawal selia bagi langkah pemuliharaan dan pemulihan. ICMP yang efektif diperlukan di Empangan Machap supaya pelaksanaan dapat dijalankan dengan berkesan. Projek ini dilaksanakan bagi i) mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pembangunan dan pengurusan kawasan tadahan, ii) mengimbangi keperluan dan kepentingan semua pihak yang menggunakan air, empangan dan kawasan sekitar tadahan, iii) menubuhkan jawatankuasa Pengurusan Tadahan, iv) mengenal pasti isu sosial alam sekitar di kawasan empangan, v) mewujudkan visi bagi aktiviti yang sesuai dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun akan datang, vi) mewujudkan pelan tindakan bagi mengurus dan menambah baik persekitaran empangan bagi tempoh 5 tahun akan datang dan vii) meningkatkan sumber dan kualiti air empangan. Dapatan bagi kajian ini telah diserahkan kepada JPS dalam 3 bentuk laporan iaitu Jilid 1: *Water Resource Development*,



Jilid 2: Stakeholder Engagement Report dan Jilid 3: Strategic Social and Environmental Assessment (SSEA). Projek ini memerlukan kepakaran pelbagai termasuk hidrologi, hidraulik, kejuruteraan alam sekitar, kejuruteraan sungai, pemodelan kualiti air, GIS, sosial, ekonomi dan perancang bandar. Selain kerja analitikal, projek ini juga menjalankan persampelan air dan analisis. Rundingan secara beberapa sesi terlibat dengan pihak berkepentingan, agensi dan penduduk di sekitar kawasan Empangan Machap juga telah diadakan bagi mendapatkan input.



ANUGERAH PERUNDINGAN

Kajian Impak Pelaksanaan Smartkadaster Di Kawasan Greater KL Sehingga Seremban

**Ketua Projek : Prof. Madya Dr. Nor Ashikin binti
Mohamed Yusof**



SmartKADASTER merupakan satu aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pada tahun 2014 bagi menyediakan maklumat kadaster secara digital dan dalam talian kepada pengguna. Pada tahun 2023, JUPEM telah menawarkan satu projek perundingan secara sebutharga bagi (1) menilai impak sosioekonomi pelaksanaan aplikasi ini; dan seterusnya (2) menyemak serta menambah baik polisi dan strategi pelaksanaannya. Projek yang bernilai hampir RM500,000.00 ini adalah projek kolaborasi dengan AJ Surveyors (M) Sdn Bhd dan didaftarkan dengan Uni-Technologies Sdn Bhd. Ia diketuai oleh PM. Dr. Nor Ashikin Mohamed Yusof, dan dianggotai oleh Dr. Intan Sazrina Saimy, Dr. Shadiya Mohamed Saleh Ba Qutayan, Dr. Siti Hasliah Salleh, Prof. Zamri Mohamed, Sr. Dr. Mohd Yunus Mohd Yusoff dan seorang pembantu perunding, Cik Amirul Syahidah Asmadi.

Setiap ahli mempunyai kepakaran tersendiri seperti polisi berasaskan sains, teknologi dan inovasi (*STI-based policy*), proses polisi, perundangan, teknologi maklumat, pengurusan pengetahuan, psikologi dan perubahan budaya, dan kadaster. Kepelbagaian bidang kepakaran ini saling melengkapi dan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan projek dalam tempoh ditetapkan, iaitu selama 9 bulan. Pelaksanaan projek ini secara umumnya terbahagi kepada dua fasa – (1) menilai impak sosioekonomi SmartKADASTER dan membangunkan agenda; dan (2) menterjemah agenda kepada polisi dan strategi. Kaedah

penyelidikan polisi digunakan oleh kumpulan perunding bagi memastikan konsep pembangunan polisi berasaskan bukti (*evidence-informed policymaking*) dapat dipenuhi.

Hasil utama projek ini adalah satu Kertas Putih - dokumen polisi yang diperaku oleh pihak JUPEM untuk menambah baik pelaksanaan aplikasi SmartKADASTER, dan satu laporan teknikal yang boleh dirujuk oleh pegawai pelaksana bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang perincian hasil kajian. Kedua-dua dokumen adalah untuk kegunaan dalaman JUPEM sahaja. Secara umumnya, kedua-dua dokumen menggariskan tiga pemangkin yang dijangka dapat mendukung pelaksanaan aplikasi SmartKADASTER bagi meluaskan lagi impaknya kepada sesioekonomi. Tiga pemangkin tersebut adalah (1) teknologi yang boleh digunapakai dan memberi manfaat kepada pengguna; (2) sumber manusia yang mempunyai kapasiti mentadbir urus teknologi tersebut di peringkat operasi dan struktur; dan (3) polisi dan strategi yang relevan untuk memandu pelaksanaannya. Dengan berakhirnya projek perundingan ini, maka bermula dan bersambung semula pelaksanaan aplikasi SmartKADASTER oleh JUPEM dengan polisi dan strategi yang telah diperkemas, supaya dapat mencapai impak sosioekonomi yang diharapkan.

“Policy without technology is powerless, technology without policy is dangerous”
 ~Peter Wicks



ANUGERAH INOVASI & PENGKOMERSILAN PRODUK

Molluscure - Bivalve Mollusc Toxic Metals Removal Technology

Ketua Projek : Chm. Ts. Dr. Faizuan bin Abdullah
Fakulti Sains



Molluscure® ialah teknologi yang direka cipta untuk menyingkirkan logam toksik daripada spesies moluska seperti kerang, kupang, dan tiram bagi menepati piawaian kandungan logam yang dibenarkan oleh piawaian tempatan dan antarabangsa. Teknologi ini telah dipatenkan dan dikomersialkan oleh penyelidik-penyelidik dari Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia, UTM diketuai oleh Ts. ChM. Dr. Faizuan Abdullah, dianggotai oleh Prof. ChM. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff, Prof. Dr. Wan Azelee Wan Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Razali Ismail, dan Dr. Ihsan Wan Azelee. Molluscure® telah menerima geran Pembangunan prototaip berjumlah RM50,000.00 dari Pusat Inovasi dan Pengkomersialan UTM pada tahun 2015 dan geran padanan pra-pengkomersialan *Concept to Commercialization Fund* (CCGF) dari Agensi Inovasi Malaysia berjumlah RM457,000.00 pada tahun 2016. Molluscure® juga telah dikomersialkan pertama kalinya kepada Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2017 dengan pemasangan teknologi Molluscure® berskala 1 tan metrik bagi rawatan kerrang-kerangan di Pengkalan Nelayan Ayer Baloi, Pontian Johor. Lebih manis, Molluscure® menerima Anugerah Projek Terbaik Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) dan juga Anugerah Harta Intelek Negara Kategori Paten pada tahun 2017. Tambahan, lawatan(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (Allahyarham YB. Datuk Seri Salahuddin Ayub) pada 14 Julai 2018 sempena demonstrasi teknologi Molluscure® telah mengisyhtiharkan Pontian sebagai Hab Kerang Negara sekaligus

mengiktiraf peranan Molluscure® sebagai sebuah teknologi yang sangat bagus bagi merancakkan lagi industri perikanan ini. Kepelbagaian dan kelangsungan teknologi Molluscure® telah ditambah baik pada tahun 2020 dengan Dana Pembangunan Prototaip (PDF) untuk menghasilkan cecair pencuci kerang-kerangan untuk kegunaan rumah. Kesenambungan Molluscure® diteruskan lagi dengan kejayaan memperoleh Penarafan 5 Bintang bagi projek komuniti Penambahbaikan Kualiti dan penjenamaan Produk Kerang Mukim Ayer Balo, Pontian pada tahun 2023. Terbaharu, pada bulan Mei 2024 Molluscure® telah mendapat pensijilan MySTI dari Kementerian Sains dan Teknologi Malaysia (MOSTI).



ANUGERAH INOVASI & PENGKOMERSILAN PRODUK

Hydrography (UTM CARTO I)


Ketua Projek : Prof. Dr. Zulkepli bin Majid
Fakulti Alam Bina & Ukur

Hydrography And Cartography Geospatial Programme (UTM CARTO I), IP No: LY2023J03075, merupakan program yang di rekabentuk selama 6 bulan secara fleksibel agar memberi peluang kepada peserta dalam dan luar negara untuk layak menjadi ahli kartografi dan hidrografi profesional. Program ini dilesenkan sejak 2023 dibawah syarikat hiliran, Photo Laser Grammetry Sdn. Bhd. (PLG) dengan bermotokan “Precise, Accurate, Rapid”, fokus dalam menyediakan perkhidmatan profesional, latihan, pengkomersialan produk, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang fotogrametri (udara dan terestrial) dan pengimbasan laser 3D untuk pelbagai aplikasi dengan teknologi pemetaan geospasial terkini. Seramai 120 peserta telah terlibat secara langsung sepanjang pelaksanaan program ini sejak 2017 hingga 2023. Pada tahun 2023, jualan kasar tertinggi sebanyak RM 1.232 juta telah diperolehi dan Syarikat turut menyumbang sebanyak RM29,221.00 yang merangkumi yuran perlesenan, royalti kepada ICC dan endowmen kepada FABU. Program ini telah dihak cipta pada tahun 2023 dengan pereka cipta utama bagi program ini ialah Sr Dr. Mohd Farid bin Mohd Ariff, Sr Dr. Ami Hassan bin Md Din, Sr Dr. Khairulnizam bin M.Idris, dan beberapa rakan pencipta dikalangan staf akademik FABU. Pencapaian terkini bagi program ini adalah menerima penyertaan daripada pelbagai klien seperti Pusat Hidrografi Nasional (PHN), Jurukur Tanah Berlesen (JTB), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan orang awam dalam dan luar negara yang terlibat dalam bidang hidrografi dan kartografi. Secara amnya, Program UTM




HYDRO & UTM CARTO telah berjaya memenuhi keperluan profesional ahli kartografi dan hidrografi yang kompeten, kreatif, dan inovatif. Disamping menyediakan pengetahuan, pemahaman dan praktikal kepada individu yang mempunyai kemahiran untuk menjalankan tugas untuk menghasilkan dan mengekalkan produk geospasial marin demi memastikan daya saing yang memenuhi keperluan antarabangsa serta memelihara kepentingan negara Malaysia.

Under License by Photo Laser Grammetry Sdn. Bhd.
Copyright © 2023 by Universiti Teknologi Malaysia




**UTM HYDROGRAPHIC SURVEYING II PROGRAMME (UTM HYDRO II)
FIG/IHO/ICA CATEGORY A**

Aim of the Programme: The aim of this programme is to produce Hydrographic Surveyors that fulfil the Standards of Competence according to the S-5A Standards of the International Hydrographic Organisation (IHO). In order to achieve the Standards of Competence, this programme will provide the participants with knowledge, understanding and experience in performing real hydrographic survey works.




Under License by Photo Laser Grammetry Sdn. Bhd.
Copyright © 2023 by Universiti Teknologi Malaysia



**MTU HYDROGRAPHIC SURVEYING I PROGRAMME (MTU HYDRO I)
FIG/IHO/ICA CATEGORY B**

Aim of the Programme: The aim of this programme is to produce Hydrographic Surveyors that fulfil the Standards of Competence according to the S-2B Standards of the International Hydrographic Organisation (IHO). In order to achieve the Standards of Competence, this programme will provide the participants with knowledge, understanding and experience in performing real hydrographic survey works.



ANUGERAH INOVASI & PENGKOMERSILAN PRODUK

Optimal Heat Software


Ketua Projek : Prof. Ir. Ts. Dr. Zainuddin bin Abd Manan
Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kejuruteraan Tenaga



Optimal Heat merupakan produk yang direkapipta dan dikomersialkan sejak 2014 oleh syarikat hiliran UTM, Optimal Systems Engineering Sdn Bhd (OPTIMISE) yang diterajui oleh Prof. Ir. Ts Zainuddin Abd Manan. Perisian *Optimal Heat* memainkan peranan penting dalam industri, terutamanya dalam meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan


pelepasan gas rumah hijau. Dengan menggunakan Teknologi Pinch dan MATRIX yang dipatenkan di UTM, perisian ini membolehkan loji proses yang sedia ada untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga melalui reka bentuk dan pengubahsuaian rangkaian penukar haba yang lebih efisien. Ini bukan sahaja membantu dalam mengurangkan kos operasi tetapi juga memaksimumkan penjimatan tenaga. Dalam konteks Malaysia, kepentingan perisian ini semakin menonjol dengan pengenalan Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (*Energy Efficiency and Conservation Act*) yang dijangka berkuat kuasa pada tahun 2025. Dengan adanya perisian seperti *Optimal Heat*, syarikat-syarikat di Malaysia boleh memastikan mereka memenuhi keperluan akta ini dengan lebih mudah dan berkesan. Optimal Heat telah memenangi satu anugerah antarabangsa, 5 anugerah kebangsaan dan 2 anugerah UTM. Professor Zainuddin juga telah diiktirafkan sebagai 10 Pemimpin Terbaik dalam Latihan Profesional & Kejurulatihan di Malaysia – 2023 oleh CEO Insights Asia.

OPTIMISE juga telah memenangi anugerah IChemE Global Award 2022 bagi Kategori Keterlibatan Awam. Pengiktirafan yang diraih di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ini menjadi perangsang kepada misi OPTIMISE untuk terus memajukan ekonomi kitaran melalui integrasi proses inovatif dan penyelesaian kejuruteraan sistem pintar.




Software to Target and Design Maximum Energy Recovery Systems using Pinch Analysis


“Pinch Analysis has led to typical utility savings of between **10–60%**, and capital savings of up to **30%**”
—Shell, Exxon, BP, Dow, Mitsubishi, JGC and Petronas



USD 12.8 mil/year
on energy savings by Retrofit of Heat Recovery System (REFINERY)



USD 4.1 mil/year
on energy savings by total site Heat Integration Retrofit Study (MIDDLE DISTILLATE)




USD 0.75 mil/year
on energy and water recovery savings (OLEOCHEMICAL)


Real-life examples of **maximised utility and cost savings** via Pinch Analysis

Who is it for?

- Energy Auditors
- Energy Consultants
- Utility Improvement team
- Process Plant Engineer




Award Winning Software




MAXIMISE COST SAVINGS FROM WASTE HEAT RECOVERY


The Industrial sector accounts for about one-third of the global energy consumption with up to 50% of energy ultimately lost in the form of waste heat in hot exhaust gases, in cooling water and on heated surfaces and products [US Department of Energy]. Recovery of thermal energy from waste heat present the biggest cost saving opportunity for energy efficiency improvement in the industrial sector.



Reduced costs
(Operating, maintenance and investment costs)




Reduced Utilities
(Thermal energy, electrical energy, water)



Minimised wastes
(CO₂, gaseous emissions, wastewater)

Triple-bottom line benefits



ANUGERAH INOVASI & PENGGOMERSILAN PRODUK

MERCAT

Ketua Projek : PM. Ts. Dr. Ho Wai Shin




Monitoring Energy and Centralising Automation (MERCAT) telah dibangunkan dengan tujuan pemantauan tenaga dan analisis tenaga terperinci. MERCAT menawarkan pengguna dengan penyelesaian pemantauan tenaga secara masa nyata dengan indeks yang boleh disesuaikan sepenuhnya serta penanda aras mendalam untuk kecekapan tenaga yang telah dibangunkan. MERCAT juga direka untuk berfungsi dengan pelbagai protokol komunikasi *Internet of Things (IoT)* seperti Modbus, Zigbee, MQTT, dan ZWave. Ini membolehkan MERCAT diintegrasikan bersama peranti IoT yang serasi dalam infrastruktur yang sedia ada untuk mengurangkan kos kepada pelanggan. MERCAT juga membenarkan kawalan peranti IoT untuk membolehkan automasi untuk pelanggan rumah, komersial, dan industri.

Sehingga kini, MERCAT telah berjaya dipasang di Pusat Inovasi & Pengkomersilan UTM serta Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (MMHE) untuk membantu mereka dengan pemantauan tenaga masa nyata serta indeks penanda seperti "Energy Efficiency Index". Melalui pemantauan berterusan daripada data yang diperolehi daripada MERCAT, isu dalam sistem tenaga dapat dikesan dan pengguna MERCAT boleh menjalankan langkah-langkah pengurangan "peak energy usage" serta langkah-langkah pengurangan tenaga dengan menggunakan data yang didapati untuk meningkatkan kecekapan tenaga.

Selain daripada itu, MERCAT juga membentuk tulang belakang sistem pengurusan tenaga AI automatik untuk projek penyelidikan Sistem Pengurusan Tenaga Pintar untuk Microgrid yang terletak di UTM Ecopark. Microgrid adalah rangkaian kecil pengguna elektrik dengan sumber bekalan tempatan yang biasanya disambungkan ke grid nasional yang terpusat, tetapi mampu berfungsi secara bebas, dan boleh direka untuk beroperasi terutamanya pada tenaga hijau dengan sistem pengurusan tenaga yang sesuai. MERCAT berjaya digunakan untuk menyelesaikan isu-isu seperti masalah aliran kuasa dua hala, osilasi tempatan, keseimbangan fasa, pengurusan penyimpanan tenaga, dan pengimbangan beban bersama dengan *system AI* tersebut.

Sebagai kumpulan yang mengutamakan konsep kecekapan tenaga, motto MERCAT adalah “Sprouting Green”, yang bermaksud pencetusan amalan hijau. Sasaran MERCAT adalah untuk mengurangkan beban kepada alam sekitar melalui penggunaan tenaga dengan cekap tanpa pembaziran.



ANUGERAH PENYELIDIK (PENYELIDIK MUDA)

Ts. Dr. Muhammad Hanif bin Ramlee

Fakulti Kejuruteraan Elektrik



Ts. Dr. Muhammad Hanif bin Ramlee merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Bidang penyelidikan beliau adalah kejuruteraan bioperubatan yang lebih spesifik kepada biomekanik, rehabilitasi dan biobahan.

Sehingga kini, beliau telah menerbitkan sebanyak 90 artikel penyelidikan yang diindeks oleh Scopus dan Web of Science (WoS), dan telah menerbitkan 6 bab buku. Jumlah sitasi terkumpul adalah 805 dengan H-index 17. Jumlah geran penyelidikan yang beliau terima adalah sebanyak 40 geran (RM2,196,122.00) di mana beliau menjadi ketua kepada 21 geran (RM1,179,192.00). Hasil dari penyelidikan, beliau telah mengkomersialkan produk SCALEBONE dan produk ini telah menjadi finalis dalam Anugerah Pengkomersialan Malaysia pada tahun 2021. Menerusi penyalidikannya, sebanyak 16 harta intelek telah didaftarkan sebagai ketua, meliputi 1 paten, 1 rekacipta industri dan 14 yang lain adalah hak cipta. Untuk mengoptimumkan penyalidikannya, beliau menyelia seramai 13 orang pelajar PhD (3 telah bergraduasi) dan 14 orang pelajar sarjana (11 telah bergraduasi). Manakala seramai 38 pelajar sarjana muda untuk projek akhir tahun (36 telah bergraduasi).

Hasil penyalidikannya, beliau telah menerima pelbagai anugerah seperti anugerah emas, perak dan gangsa dalam pameran INATEX, IID, ITEX, CRI dan IIDEX. Beliau juga penerima anugerah penulisan Citra Karisma pada tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023 berturut-turut. Manakala beliau pernah menerima anugerah perkhidmatan cemerlang Citra Karisma pada tahun 2019. Memegang prinsip hidup “sebaik-baik manusia adalah pemberi manfaat”, telah diterjemahkan di dalam pencapaian tertinggi beliau dengan penghasilan kaki palsu dan tangan palsu 3D yang mana telah disumbangkan secara percuma kepada golongan B40 dan mendapat liputan media daripada TV3, RTM, Harian Metro, Sinar Harian dan Utusan Malaysia pada tahun 2022.

ANUGERAH PROJEK PENYELIDIKAN (INDUSTRI)

Development of Pilot-Scale Integrated Water Reclamation System for Non-Potable Water Application

Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman
Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kejuruteraan Tenaga

Projek penyelidikan di bawah dana UMW Corporation Sdn. Bhd. yang bermula dari tahun 2021 dan tamat pada tahun 2023 ini bermatlamat untuk membangunkan sebuah sistem penulenan air berskala pilot berasaskan membran yang mempunyai kapasiti masukan sebesar 45,000 L/hari. Pada peringkat awal projek, membran ultrafiltrasi (UF) yang unik telah berjaya dihasilkan di mana membran berbentuk gentian geronggang ini berupaya menapis hampir kesemua kotoran pepejal terampai yang berada di dalam air. Membran UF ini kemudiannya dibangunkan sebagai sebuah katrij membran dan dijadikan sebagai penapis utama di dalam sistem berskala pilot tersebut, berintegrasi bersama-sama dengan modul membran osmosis berbalik (RO) komersial. Sistem berskala pilot berintegrasi UF-RO yang siap difabrikasi oleh kumpulan penyelidik UTM dalam tempoh 8 bulan telah ditempatkan di kilang KYB-UMW Malaysia Sdn Bhd di Teluk Panglima Garang, Selangor. Daripada beberapa siri ujikaji yang telah dilakukan, ia didapati bahawa sistem berskala pilot UF-RO ini berjaya menulenan air sisa daripada kilang tersebut. Hasil daripada kajian ini, air sisa yang telah dirawat tersebut telah menepati kriteria untuk digunakan semula dengan selamat dan ini dapat mengurangkan kebergantungan terdapat bekalan air bersih oleh syarikat air negeri, dan seterusnya mengurangkan kos operasi keseluruhan kilang tersebut. Manakala, sebagai output penyelidikan dari projek ini, 5 penerbitan di dalam jurnal berindeks Q1/Q2 telah berjaya dihasilkan, manakala 3 pelajar PhD, 3 pegawai penyelidik dan 4 pembantu penyelidik

telah direkrutkan. Rentetan daripada projek penyelidikan ini juga, beberapa aktiviti kerjasama lain seperti projek perundingan dan sesi latihan bermodul telah berjaya dilaksanakan di antara pihak UTM dan UMW.



Sistem berskala pilot berasaskan membran yang dibangunkan di bawah projek ini yang ditempatkan di KYB-UMW Malaysia



Kumpulan penyelidik dari UTM bersama-sama dengan penyelidik dari UMW



Semasa majlis menandatangani MoA di antara UTM-UMW

ANUGERAH PROJEK PENYELIDIKAN (KEBANGSAAN)



Characterization Of Streaming Potential In Complex Porous Media

Prof. Madya Dr. Mohd Zaidi bin Jaafar
 Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kejuruteraan Tenaga



Projek penyelidikan ini merupakan dana daripada Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah *Fundamental Research Grant Scheme* yang bermula pada tahun 2019 dan tamat pada tahun 2023. Kajian penyelidikan melalui projek ini mencetuskan pemahaman baru berkaitan fenomena

streaming potential dalam takungan minyak dan gas. Ia membuka ruang kepada pelbagai aplikasi khususnya dalam pemantauan suntikan bahan berteknologi tinggi melibatkan bahan alkali, surfaktan dan polimer. Kaedah pemantauan yang lebih mantap boleh menyumbang kepada operasi yang lebih ekonomi dan efisien. Projek ini telah berjaya menghasilkan 19 penerbitan di dalam jurnal berindeks dan mengambil 2 orang pelajar PhD serta seorang pelajar Sarjana bagi tujuan pembangunan bakat.



ANUGERAH PROJEK PENYELIDIKAN (ANTARABANGSA)

Fostering Global Talent Mobility For Lifelong Learning From Marketing Perspective

Dr. Teo Poh Chuin

Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim



Projek penyelidikan di bawah dana Zhonghe Education Technology (Nanjing) Co., Ltd. yang bermula pada tahun 2022 sehingga 2023 ini menggariskan kepentingan kemahiran dan pengetahuan dalam modal insan negara, penting untuk pertumbuhan ekonomi dan masyarakat, terutamanya dalam IR5.0 dan Masyarakat 5.0. Memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran dan kemahiran semula melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH) adalah penting untuk menyesuaikan diri dengan pasaran kerja yang dinamik. Kajian itu meneroka senario semasa dan strategi masa depan untuk menggalakkan mobiliti bakat global untuk PSH dari perspektif pemasaran. Menggunakan reka bentuk keratan rentas dan kaedah kualitatif, perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan dengan pelbagai pihak berkepentingan. Penemuan utama menunjukkan bahawa komunikasi pemasaran oleh institusi asal di negara tuan rumah, menubuhkan pejabat perwakilan, dan mengatasi halangan bahasa dan budaya adalah penting untuk menggalakkan mobiliti bakat. Syor termasuk menubuhkan pejabat tempatan, menyertai pameran pendidikan, mengadakan jerayawara dan menggaji wakil tempatan. Kajian itu menekankan keperluan untuk perancangan strategik dan pengurusan yang berkesan untuk meningkatkan keyakinan pasaran, menghasilkan penerbitan yang diindeks, hak cipta dan memorandum perjanjian.

**ANUGERAH PENERBITAN
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS
(FAKULTI)**

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA

Dr. Nur Izyan Binti Wan Azelee
Ts. Dr. Daniel Joe Dailin
Prof. Madya Dr. Rafiziana Binti Md Kasmani
Dr. Wan Norharyati Binti Wan Salleh
Prof. Ir. Dr. Nor Aishah binti Saidina Amin
Prof. Dr. Lee Chew Tin
Prof. Madya Ir. Dr. Norzita Binti Ngadi
Prof. Madya Dr. Zainul Akmar Bin Zakaria
Dr. Cheng Kian Kai

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Dr. Hasmad
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohamed Sultan Bin Mohamed Ali
Dr. Wong Tuck Whye
Dr. Mohd Ariffanan Bin Mohd Basri
Prof. Ts. Dr. Mohamad Kamal B. A. Rahim
Dr. You Kok Yeow
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Michael Tan Loong Peng
Prof. Ir. Ts. Dr. Zaharuddin B Mohamed
Prof. Madya Ts. Dr. Shahrin Bin Md Ayob
Ts. Dr. Muhammad Hanif Bin Ramlee
Dr. Usman Ullah Sheikh
Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Junaidi Bin Abdul Aziz
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Asrul Izam Bin Azmi
Prof. Madya Dr. Rozeha Bt. A. Rashid
Dr. Fatin Hamimi Binti Hamat @ Mustafa

FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM

Dr. Afikah Binti Rahim
Dr. Mohd Hafiz Bin Puteh
Dr. Shafiq Bin Ishak
Prof. Dr. Khalida Binti Muda
Ts. Dr. Chin Chee Loong
Prof. Madya Dr. Mohd Ismid Bin Md Said
Prof. Madya Ir. Dr. Rini Asnida Binti Abdullah
Dr. Siti Norafida Bt. Jusoh

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Dr. Muhammad Asyraf Bin Muhammad Rizal
Ir. Ts. Dr. Wong Keng Yinn
Prof. Madya Ts. Dr. Haslinda Binti Mohamed Kamar
Ir. Ts. Dr. Mohamad Nur Hidayat Bin Mat
Prof. Madya Ts. Dr. Muhamad Azizi Bin Mat Yajid
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Zaini Bin Ahmad
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nor Hasrul Akhmal Bin Ngadiman
Prof. Dr. Muhamad Zameri Bin Mat Saman
Prof. Dr. Mazlan Bin Abdul Wahid

**ANUGERAH PENERBITAN
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS
(FAKULTI)**

FAKULTI KOMPUTERAN

Prof. Ts. Dr. Dayang Norhayati binti. Abang Jawawi
Prof. Ts. Dr. Kamalrulnizam Bin Abu Bakar
Prof. Dr. Habibollah Bin Haron
Dr. Bander Ali Saleh Al-Rimy
Prof. Madya Dr. Anazida Binti Zainal
Prof. Madya Ts. Dr. Nor Azman Bin Ismail
Ts. Dr. Nur Haliza Binti Abdul Wahab
Dr. Ajune Wanis Binti Ismail
Prof. Madya Ts. Dr. Rohayanti Binti Hassan

FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Dr. Gabriel Ling Hoh Teck
Prof. Sr. Dr. Kherun Nita binti Ali
Dr. Sharifah Salwa Bt Syed Mahdzar
Ts. Dr. Leng Pau Chung
Dr. Nafisah Binti Abdul Rahiman
Dr. Safizahanin Binti Mokhtar
Dr. Aimi Sara Binti Ismail
Dr. Norhazliza Bt. Abd. Halim
Prof. Madya Sr. Dr. Ami Hassan Bin Md Din
Prof. Madya Sr. Dr. Abdullah Hisam Bin Omar
Sr. Ts. Dr. Mohd Faisal Bin Abdul Khanan
Prof. Madya Ts. Gs. Sr. Dr. Muhamad Uznir Bin Ujang
Dr. Nor Suhaibah Binti Azri
Ts. Dr. Mohd Shahril Bin Abdul Rahman
Dr. Salfarina Binti Samsudin

FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN

Prof. Ts. Dr. Zaidatun Bt. Tasir
Prof. Dr. Noraffandy Bin Yahaya
Prof. Dr. Lokman Bin Mohd Tahir
Dr. Wan Mohd Azam Bin Wan Mohd Yunus
Dr. Nurul Izzah Binti Shari
Prof. Madya Dr. Aqeel Khan
Dr. Mohd. Shafie Bin Rosli
Dr. Sharifah Binti Osman
Dr. Norah Binti Md Noor
Prof. Dr. Siti Aisyah Bt. Panatik
Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Abdullah
Dr. Hassan M. M. Abuhassna
Dr. Junaidah Binti Yusof
Dr. Kew Si Na
Dr. Wan Farah Wani Binti Wan Fakhruddin
Dr. Mohd Khairy Bin Kamarudin
Dr. Radhiahtul Raehan Binti Mustafa
Dr. Farhana Diana Binti Deris
Prof. Madya Dr. Hanita Bt Hassan
Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam Bin Nor Muhamad
Dr. Nor Liza Bt. Haji Ali
Prof. Madya Dr. Sarimah Bt Shamsudin
Dr. Nur Izzati Binti Mohamad Norzilan

**ANUGERAH PENERBITAN
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS
(FAKULTI)**

FAKULTI SAINS

Prof. Dr. Suhairul Bin Hashim
Prof. Dr. Sharidan Bin Shafie
Prof. Madya Chm. Dr. Joazaizulfazli Bin Jamalis
Prof. Madya Dr. Abd.Khamim Bin Ismail
Prof. Madya Chm. Dr. Roswanira Binti Ab. Wahab
Dr. Razif Bin Razali
Dr. Juan Bin Matmin
Chm. Dr. Abdo Mohammed Ali Al-fakih
Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir Bin Omar
Dr. Ahmad Qushairi Bin Mohamad
Dr. Mohamad Syazwan Bin Mohd Sanusi
Dr. Lim Yeou Jiann
Prof. Madya Dr. Raja Kamarulzaman Bin Raja Ibrahim
Prof. Madya Dr. Goh Kian Mau
Dr. Noraihan Afiqah Binti Rawi

MALAYSIA-JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Prof. Dr. Hamido Fujita
Prof. Ir. Ts. Dr. Sheikh Ahmad Zaki Bin Shaikh Salim
Dr. Shahira Liza Binti Kamis
Prof. Madya Dr. Koji Iwamoto
Prof. Dr. Tomoya Tsuji
Prof. Dr. Muhamad Ali Bin Muhammad Yuzir
Dr. Fauzan Bin Ahmad
Dr. Nurfatehah Wahyuny Binti Che Jusoh

FAKULTI TEKNOLOGI & INFORMATIK RAZAK

Dr. Abdollah Bahador
Prof. Dr. Mohd Nazri Bin Kama
Ir. Dr. Hazilah Binti Mad Kaidi
Prof. Madya Ts. Dr. Nelidya Binti Md. Yusoff
Prof. Madya Dr. Syuhaida Binti Ismail
Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Binti Yuhanz
Dr. Abdelgadir Mohamed Mahmoud
Dr. Fiza Binti Abdul Rahim
Prof. Madya Dr. Robiah Ahmad
Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Zaki Bin Hassan
Dr. Pritheega A/P Magalingam

SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM

Prof. Madya Dr. Harcharanjit Singh A/L Mahinder Singh
Prof. Madya Dr. Rohaida Binti Basiruddin
Prof. Madya Dr. Farzana Quoquab Habib

FAKULTI PENGURUSAN

Dr. Saleh F. A. Khatib
Prof. Madya Dr. Suresh A/L Ramakrishnan
Dr. Yogeewari A/P Subramaniam
Prof. Madya Dr. Ab Razak Bin Che Hussin
Prof. Madya Dr. Norhayati Binti Zakuan
Prof. Madya Dr. Siti Rahmah Binti Awang
Dr. Nor Zafir Bt. Md. Salleh

**ANUGERAH PENERBITAN
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS
[PUSAT KECEMERLANGAN (COE)]**

ADVANCED MEMBRANE TECHNOLOGY RESEARCH CENTRE (AMTEC)

Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan B. Othman
 Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail
 Prof. Madya Dr. Prof. Madya Dr. Lau Woei Jye
 Prof. Madya Dr. Goh Pei Sean
 Prof. Dr. Juhana Binti Jaafar

INSTITUTE OF BIOPRODUCT DEVELOPMENT (IBD)

Prof. Dr. Hesham Ali Metwally Ali El-Enshasy
 Prof. Madya Dr. Chua Lee Suan
 Prof. Dr. Rosli Bin Md. Illias
 Prof. Madya Ir. Dr. Mazura Binti Jusoh

INSTITUTE OF NOISE AND VIBRATION (INV)

Prof. Madya Ts. Dr. Sophia C. Alih
 Prof. Madya Ir. Dr. Lim Meng Hee
 Prof. Ir. Dr. Azlan Bin Adnan

WIRELESS COMMUNICATION CENTRE (WCC)

Prof. Ir. Dr. Sharul Kamal Bin Abdul Rahim
 Dr. Farid Bin Zubir
 Prof. Madya Dr. Mohd Haizal Bin Jamaluddin
 Prof. Madya Dr. Razali Bin Ngah
 Prof. Madya Dr. Leow Chee Yen

CENTRE FOR ARTIFICIAL INTELLIGENCE & ROBOTICS (CAIRO)

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad 'Athif Bin Mohd Faudzi
 Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ibrahim Bin Shapiai @ Abd.Razak
 Prof. Madya Ir. Dr. Zool Hilmi Bin Ismail

CENTRE FOR ADVANCED COMPOSITE MATERIALS (CACM)

Ts. Dr. Ahmad Ilyas Bin Rushdan
 Prof. Dr. Mohd Yazid Bin Yahya
 Prof. Madya Ts. Dr. Shukur Bin Hj. Abu Hassan
 Prof. Dr. Mat Uzir B. Wahit

INNOVATION CENTRE IN AGRITECHNOLOGY FOR ADVANCED BIOPROCESSING (ICA)

Prof. Madya Ir. Dr. Dayang Norulfairuz Binti Abang Zaidel
 Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Rosnani binti Hasham @ Hisam

CENTRE OF ENGINEERING EDUCATION (CEE)

Dr. Zulhasni Bin Abdul Rahim

INSTITUTE OF HIGH VOLTAGE & HIGH CURRENT (IVAT)

Prof. Dr. Zulkurnain B. Abd. Malek
 Prof. Madya Eur. Ing. Ir. Ts. Dr. Lau Kwan Yiew
 Ir. Ts. Dr. Mohd Hafizi Bin Ahmad
 Ts. Dr. Zulkarnain Bin Ahmad
 Ts. Dr. Mona Riza Binti Mohd Esa

**ANUGERAH PENERBITAN
ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS
[PUSAT KECEMERLANGAN (COE)]**

UTM MPRC - INSTITUTE FOR OIL AND GAS (IFOG)

Prof. Madya Dr. Agus Bin Arsad
Prof. Madya Ir. Dr. Mimi Haryani Binti Hassim

**IBNU SINA INSTITUTE FOR SCIENTIFIC AND INDUSTRIAL
RESEARCH (ISI-SIR)**

Prof. Dr. Sib Krishna Ghoshal
Prof. Madya Dr. Muhammad Abbas Bin Ahmad Zaini
Prof. Dr. Azlan Bin Mohd Zain
Allahyarham Prof. Dr. Mohd Azizi Bin Che Yunus
Prof. Madya Chm. Dr. Lee Siew Ling

**INSTITUTE FOR SMART INFRASTRUCTURE AND INNOVATIVE
CONSTRUCTION (ISIIC)**

Prof. Ts. Dr. Edy Tonnizam Bin Mohamad
Dr. Dayang Zulaika Binti Abang Hasbollah
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Ahmad Safuan Bin A Rashid
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Ma Chau Khun

INSTITUTE FOR VEHICLE SYSTEMS AND ENGINEERING (IVeSE)

Prof. Madya Ir. Dr. William Chong Woei Fong
Prof. Dr. Wong Kuan Yew
Prof. Madya Dr. Kang Hooi Siang
Prof. Ir. Ts. Dr. Saiful Amri Bin Mazlan
Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Wira Jazair Bin Yahya

INSTITUTE OF FUTURE ENERGY (IFE)

Prof. Dr. Aishah Bt Abd. Jalil
Prof. Dr. Mohamed Mahmoud El-Sayed Nasef
Dr. Tuan Amran Bin Tuan Abdullah
Prof. Madya Ir. Dr. Md Pauzi Bin Abdullah
Dr. Norafneeza Binti Norazahar

INSTITUTE OF HUMAN CENTERED ENGINEERING (IHuEn)

Prof. Madya Dr. Syafiqah Binti Saidin
Prof. Dr. Mohd Shafry Bin Mohd Rahim
Prof. Ts. Dr. Ali Bin Selamat
Prof. Madya Dr. Ardiyansyah Bin Syahrom
Dr. Saiful Izwan Bin Abd Razak

RESEARCH INSTITUTE FOR SUSTAINABLE ENVIRONMENT (RISE)

Prof. Dr. Shamsuddin Shahid
Prof. Ir. Ts. Dr. Shreeshivadasan A/L Chelliapan
Prof. Sr. Gs. Dr. Mazlan Bin Hashim
Prof. Madya Dr. Zulhilmi Bin Ismail
Prof. Dr. Zainura Binti Zainon Noor

**ANUGERAH PENERBITAN
(ANUGERAH MAKALAH BERSITASI TERTINGGI)
KATEGORI SAINS & TEKNOLOGI**

Fakulti / CoE	Judul Artikel	Penulis	Jumlah Sitasi Terkumpul	Corresponding / UTM Auth.
IFE	<i>A review on catalyst development for dry reforming of methane to syngas: Recent advances</i>	Abdulrasheed A., Jalil A.A., Gambo Y., Ibrahim M., Hambali H.U., Shahul Hamid M.Y.	393	Prof. Dr. Aishah Abd. Jalil (7125)
FKE	<i>Optimal sizing of an autonomous photovoltaic/wind/battery/diesel generator microgrid using grasshopper optimization algorithm</i>	Bukar A.L., Tan C.W., Lau K.Y.	268	Prof. Madya Dr. Tan Chee Wei (9271)
FS	<i>Arsenic removal technologies and future trends: A mini review</i>	Alka S., Shahir S., Ibrahim N., Ndejiko M.J., Vo D.-V.N., Manan F.A.	268	Prof. Madya Dr. Shafinaz Shahir (7602)

**ANUGERAH PENERBITAN
(ANUGERAH MAKALAH BERSITASI TERTINGGI)
KATEGORI SAINS SOSIAL**

Fakulti / CoE	Judul Artikel	Penulis	Jumlah Sitasi Terkumpul	Corresponding / UTM Auth.
FSSH	<i>Development of a new model on utilizing online learning platforms to improve students' academic achievements and satisfaction</i>	Abuhassna H., Al-Rahmi W.M., Yahya N., Zakaria M.A.Z.M., Kosnin A.B.M., Darwish M.	124	Dr. Hassan M.M.Abuhassna (15592)
AHIBS	<i>A multiple-item scale for measuring "sustainable consumption behaviour" construct: Development and psychometric evaluation</i>	Quoquab F., Mohammad J., Sukari N.N.	94	Prof. Madya Dr.Farzana Quoquab (12438)
FSSH	<i>A systematic review of the mental health changes of children and young people before and during the COVID-19 pandemic</i>	Kauhanen L., Wan Mohd Yunus W.M.A., Lempinen L., Peltonen K., Gyllenberg D., Mishina K., Gilbert S., Bastola K., Brown J.S.L., Sourander A.	81	Dr. Wan Mohd Azam Wan Mohd Yunus (11950)

**ANUGERAH PENERBITAN
(ANUGERAH PENYELIDIK BERSITASI TERTINGGI)
SAINS & TEKNOLOGI**

Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail

Jabatan Canseleri



Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail merupakan Naib Canselor UTM yang ke-7 bermula 1 Januari 2021. Beliau berpengalaman luas selama lebih 30 tahun dalam bidang akademik serta penyelidikan dan merupakan pengasas Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC) termasuk menubuhkan syarikat hiliran (spin-off) UTM iaitu Membrane Technology (M) Sdn. Bhd.

Kepakaran penyelidikan beliau merangkumi pembangunan polemerik, membran tidak organik dan membran matrik campuran untuk penyahgaraman air, rawatan air sisa, teknologi membran untuk hemodialisis, proses pengasingan gas, membran untuk penapisan minyak, membran fotokatalitik untuk pengasingan bahan cemar, pembangunan membran hemodialisis dan membran elektrolit polimer untuk kegunaan sel bahan api.

Sebagai seorang penulis dan penyelidik prolifik, beliau telah telah menghasilkan 24 paten, dengan lebih 20 sedang dalam proses kelulusan, penerbitan melebihi 1,481 kertas kajian dalam jurnal, lebih dari 80 bab dalam buku, 11 buah buku sebagai penulis utama atau penulis bersama, dan 12 buah buku suntingan sebagai editor atau editor bersama. Pada 26 Jun 2024, h-indeks Scopus beliau ialah 113 (dengan 62,119 sitasi) manakala h-indeks *Web of Science* pula ialah 96 (dengan 39,024 sitasi). Beliau telah menyelia lebih daripada 70 orang pelajar PhD

dan 52 orang pelajar Sarjana hingga bergraduan, dan juga menyelia 10 orang felo pasca kedoktoran.

Profesor Fauzi menerima lebih 200 anugerah pengiktirafan di peringkat universiti, negara dan dunia. Terkini, beliau menjadi rakyat Malaysia pertama menerima pengiktirafan berprestij sebagai penerima Mustafa Prize 2023 (Muslim Nobel Laureate) 2023. Pengiktirafan ini diberikan kepada beliau atas jasa dan sumbangan besar melalui bidang saintifik dalam kalangan negara-negara Islam sedunia.

Beliau juga diiktiraf sebagai *Highly Cited Researcher*, *Clarivate Analytics* bagi lima (5) tahun berturut-turut (2018-2022), penerima anugerah *The World Academy of Science 2020 (TWAS)*, Anugerah Merdeka 2014, *Malaysia Toray Science & Technology Foundation Award 2013* dan Anugerah Akademik Negara 2013 kategori Inovasi dan Komersialisasi.

Beliau juga aktif menyumbang kepakarannya kepada komuniti melalui pembekalan Sistem Rawatan Air Bersih di 53 buah sekolah seluruh negara dan Sistem Penyahgaraman Air Laut untuk minuman serta utiliti kepada lebih 3,300 penduduk di sekitar Kg. Pantai Senok, Bachok, Kelantan. Kepakarannya juga digunakan semasa tragedi banjir di Kelantan, Pekan di Pahang dan gempa bumi di Ranau, Sabah.

**ANUGERAH PENERBITAN
(ANUGERAH PENYELIDIK BERSITASI TERTINGGI)
SAINS SOSIAL**

Prof. Madya Dr. Nanthakumar Loganathan

Fakulti Pengurusan



Prof. Madya Dr. Nanthakumar Loganathan merupakan pensyarah di Jabatan Pengurusan dan Teknologi (JPT) di Fakulti Pengurusan dan telah berkhidmat bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selama 8 tahun dan memimpin *Innovation Economics Research Group (RG)*. Beliau telah menyumbang kepakaran bersama pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam merangka Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB), Kementerian Pengajian Tinggi sebagai panel penilai dana-dana penyelidikan, pakar rujuk dana penyelidikan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan melaksanakan kajian impak COVID terhadap masyarakat orang asli di Malaysia tajaan Bank Dunia. Beliau turut dilantik sebagai Felo Pelawat di Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (MyRIVET), Profesor Pelawat di Bina Nusantara University (BINUS), Indonesia dan Felo Penyelidik di University of Economic Ho Chi Minh City, Vietnam. Sebanyak 70 penerbitan berindeks telah dihasilkan dan 56 daripadanya terindeks dalam pangkalan WOS dan hampir 30 daripadanya merupakan jurnal berimpak tinggi kategori Q1/Q2, dianugerahkan “Youth Editorial Board” bersama *Financial Innovation Journal* (Springer/WOS) yang merupakan jurnal kuantil-1 (Tier-1) berpangkalan di Southwestern University of Finance and Economics, China, dan berperanan sebagai *Advisory Board* bagi jurnal Heliyon (Elsevier/WOS) serta *Journal of Asian Studies* (SCOPUS). Dalam kedudukan ranking pangkalan REPEC, beliau tersenarai “top 25% economist” di Malaysia dan menduduki kedudukan ke-12 bagi kategori pencapaian penyelidik ekonomi tempoh kurang daripada 10 tahun.



ANUGERAH PENERBITAN (FAKULTI)

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga



Dengan kekuatan seramai 135 orang staf akademik, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT) terus-menerus memperkasa budaya penerbitan dengan menghasilkan penerbitan yang berkualiti dan berimpak tinggi bagi memenuhi agenda utama Universiti sebagai antara pengukur utama kepada prestasi penyelidikan. Dorongan dan sokongan penuh dari pengurusan FKT terutamanya dari Pejabat Penyelidikan FKT telah menyumbang ke arah pembudayaan penulisan dan penerbitan di kalangan staf akademik fakulti. Melalui program Research Festival yang telah dijalankan pada tahun 2023, pelbagai inisiatif berkaitan dengan penerbitan telah diadakan. Antaranya ialah Bengkel Penerbitan Jurnal Q1/Q2 oleh penyelidik berpengalaman daripada FKT sendiri iaitu Prof. Ir. Dr. Nor Aishah Saidina Amin. Dengan pengalaman dan pengetahuan beliau, ianya telah banyak memberi inspirasi kepada penyelidik muda di FKT untuk menulis dan menerbitkan artikel di dalam jurnal yang berimpak tinggi. Pelaksanaan program UTM Gold iaitu program pementoran yang diwujudkan untuk membimbing staf akademik FKT dan menggalakkan mereka mencapai kecemerlangan dalam dunia penerbitan termasuklah dalam penerbitan bab dalam buku, buku penyelidikan, artikel persidangan berindeks, jurnal berindeks berimpak tinggi dan lain-lain penerbitan ilmiah turut diteruskan.

Sepanjang tahun 2023, FKT telah berjaya menghasilkan penerbitan artikel berimpak tinggi sebanyak 512, di mana 281 daripadanya adalah diterbitkan di dalam jurnal Q1 dan Q2. Di samping itu, sebanyak 2 buah buku penyelidikan dan 63 judul bab dalam buku penyelidikan turut diterbitkan. Selain itu, penerbitan berkualiti tinggi yang telah dihasilkan staf akademik FKT berjaya menghasilkan sitasi terkumpul sebanyak 19220 bagi tahun 2023. FKT juga telah berjaya merangkul anugerah dan pengiktirafan dalam bidang penerbitan dari dalam dan luar negara pada tahun 2023. Seramai 19 orang penyelidik FKT telah diiktiraf di peringkat Antarabangsa melalui *World's Top 2% Scientist 2022 (Single Year Achievement)*. Pencapaian cemerlang ini telah berjaya dicapai seiring dengan inisiatif yang dijalankan dan diharapkan pencapaian ini akan berterusan di tahun mendatang.



ANUGERAH PENERBITAN (FAKULTI)

Fakulti Kejuruteraan Awam

Fakulti Kejuruteraan Awam(FKA) yang disokong oleh seramai 119 orang staf akademik sentiasa berusaha untuk menyuburkan budaya penerbitan bagi menghasilkan penerbitan yang berimpak dan berkualiti tinggi. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi menyokong dan menggalakkan usaha staf akademik dalam menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi. Antara program berkenaan adalah Sesi Perkongsian Ilmu bagi menghasilkan penerbitan berimpak tinggi, Sesi bimbingan penulisan di antara mentor dan mentee, serta pelbagai program yang menyokong aktiviti penerbitan dan penyelidikan di fakulti. Bengkel Strategik Fakulti telah diadakan bagi merangka dan merancang program dan halatuju penyelidikan dan penerbitan di kalangan staf akademik FKA.

Pencapaian FKA dalam bidang penerbitan boleh dilihat dari pencapaian pada tahun 2023 iaitu sebanyak 224 penerbitan artikel berindeks telah dihasilkan. Manakala sebanyak 118 penerbitan dalam Jurnal Q1/Q2. FKA juga telah menghasilkan sebanyak 4 buku penyelidikan dan 17 bab dalam buku. Staf akademik FKA juga telah berjaya memenangi pelbagai anugerah di peringkat tempatan dan luar negara. Antaranya ialah *World's Top 2% Scientist 2023* di mana beberapa orang staf akademik FKA telah diiktiraf di dalam anugerah berkenaan. Staf yang menerima pengiktirafan berikut merupakan Prof. Dr. Edy Tonnizam Bin Mohamad, Prof. Ir. Dr. Mahmood Tahir, Prof. Dr. Shamsuddin Shahid dan PM Dr. Ahmad Safuan Bin A Rashid.

Pihak fakulti akan sentiasa berusaha meningkatkan kecemerlangan di dalam bidang penerbitan dalam menyokong kecemerlangan UTM sebagai universiti terulung.



Bengkel Perancangan Strategik FKA



Bengkel Penerbitan yang dijalankan oleh Fakulti

ANUGERAH PENERBITAN (FAKULTI)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

'All in One FKE' merupakan slogan utama bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Hasil dari ini FKE telah berjaya dalam mengharungi segala onak duri dalam memastikan visi dan misi UTM tercapai. FKE telah melalui fasa penstrukturan semula pada tahun 2022 dengan pertambahan satu jabatan baharu, menjadikan keseluruhannya lima jabatan dengan jumlah staf akademik seramai 188 orang. FKE sentiasa komited dalam memastikan kecemerlangan dalam semua aktiviti 7P universiti. Oleh itu, dalam merancakkan hala tuju penyelidikan di FKE, 1 Higher Institution Centre of Excellence (HICoE), dua Centre of Excellence (CoE), dua Research Centre (RC) dan 15 *Research Group* (RG) telah wujud dan berfungsi untuk menyokong dan memperkasakan aktiviti penyelidikan.

Pada tahun 2023, FKE telah berjaya menghasilkan sejumlah 644 penerbitan. Daripada jumlah tersebut, 258 adalah artikel berwasit dengan 153 daripadanya diindeks dalam jurnal Q1 dan Q2 *Web of Science* (WoS). Pencapaian ini merupakan hasil sokongan dari semua warga FKE yang telah menyediakan pelbagai program sokongan bagi membantu staf akademik menerbitkan hasil penyelidikan yang berkualiti dan berimpak. Antara program yang telah dilaksanakan ialah sesi perkongsian ilmu bersama tokoh penyelidik dengan nilai h-indeks yang tinggi dan siri bengkel penulisan yang dibuat secara bersasar seperti penerbitan *article review* dan *IEEE Transactions*.

Selain itu, bagi perolehan geran penyelidikan pula, seramai 147 orang staf akademik FKE (78%) telah berjaya mengetuai projek penyelidikan sama ada di peringkat universiti, kebangsaan, industri mahupun antarabangsa dengan jumlah kumulatif geran melebihi RM8 juta.



Bengkel Strategik 2023

Seterusnya, untuk pencapaian harta intelek pula, FKE telah berjaya memperoleh enam paten (patent granted), memfailkan lima paten dan 69 hakcipta sepanjang tahun 2023.

Kesimpulannya, kejayaan ini boleh diterjemahkan sebagai hasil usaha semua staf akademik dalam mendukung dan menjayakan pelan tindakan 2023 *Blueprint@enVision 2025*. Setiap inisiatif dalam pelan tindakan tersebut telah memberikan sokongan yang signifikan kepada FKE dalam merancang dan melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan pencapaian KPI fakulti khususnya dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Alhamdulillah, dengan kerjasama semua staf akademik, FKE berjaya melaksanakan 92% daripada 27 inisiatif yang dirancang dalam pelan tindakan 2023.

ANUGERAH PENERBITAN (PUSAT KECEMERLANGAN (COE))


Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC)

Sejarah penubuhan Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC) bermula dengan tertubuhnya Membrane Research Unit (MRU) pada tahun 1990 di Kampus Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL). AMTEC telah dinaik taraf sebagai salah satu pusat kecemerlangan (CoE) di UTM pada tahun 2008. Pada November 2015, AMTEC telah diiktiraf secara rasmi sebagai Institusi Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) dalam bidang *Water Reclamation* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM). Sejak ditubuhkan, AMTEC telah dikenali sebagai pusat rujukan serantau dan antarabangsa di dalam bidang teknologi membran. AMTEC telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) khususnya dalam bidang bahan termaju berasaskan membran. AMTEC ditunjangi oleh tiga kumpulan penyelidikan yang terdiri daripada 18 orang penyelidik dinamik yang cemerlang dalam pelbagai bidang kepakaran berkaitan dengan bahan termaju berasaskan membran dan pembuatan teknologi tinggi. Program penyelidikan AMTEC merangkumi bidang-bidang penyelidikan pelbagai disiplin yang berkaitan dengan membran termaju dan teknologi dalam spektrum yang meluas termasuk dalam bidang rawatan dan pemulihan air sisa, pemisahan gas, sel bahan api (*fuel cell*), dan sel solar. Sebagai salah satu pusat kecemerlangan, AMTEC memberi tumpuan yang padu dan menyeluruh kepada penerbitan ilmiah berimpak tinggi sebagai salah satu dari hasil penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan. AMTEC juga telah bekerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa termasuklah pihak industri tempatan seperti Petronas, Sime Darby dan UMW Corporation.



Staf akademik dan sokongan AMTEC

Pada tahun 2023, AMTEC telah menerbitkan sebanyak 219 penerbitan dalam *journal* WOS/Scopus dengan 169 penerbitan atau lebih daripada 75% adalah penerbitan di dalam jurnal berimpak tinggi Q1/Q2, 12 penerbitan dalam *journal* bukan WOS/Scopus, 2 buah buku, 5 bab dalam buku dan 11 penerbitan lain dalam prosiding persidangan, 3 pemfailan paten dan 4 paten *granted*. Jumlah terkumpul geran yang diperolehi oleh semua staf sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak RM 10,470,081.00. AMTEC juga merupakan tenaga penggerak utama sehingga tertubuhnya persatuan MyMembrane pada tahun 2017 yang telah menghimpun kesemua para membranologi khususnya di Malaysia.



About Us

- 1990:** Prof. Hamdani Saidi was the founder of Membrane Research Unit (MRU). He was the first Head of MRU, which was based in UTMKL.
- 2001:** Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail was entrusted to lead MRU-based in Skudai, Johor. Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail was the first Director of AMTEC.
- 2008:** MRU was upgraded to Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC). Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail was the first Director of AMTEC.
- 2015:** AMTEC was recognized as one of the national Higher Institution Centre of Excellence (HiCoE) with niche area "Water Reclamation".
- 2018:** Assoc. Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan was appointed as the second Director of AMTEC.


1990 2001 2008



Vision
To become a hub of membrane – based technology for nation human capital development and wealth creation.

Mission
To establish AMTEC as a world – renown centre of excellence in R & D & C.

Sejarah Penubuhan AMTEC sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan di UTM



Core Research & Niche Area

ANUGERAH PENERBITAN (PUSAT KECEMERLANGAN (COE))

Centre for Advanced Composite Materials (CACM)

Pusat Komposit mula ditubuhkan pada Januari 1995, berikutan peningkatan dalam projek penyelidikan dan kerja perundingan berkaitan bahan komposit oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia. Objektif utama penubuhan adalah untuk membangunkan penyelidikan berasaskan bahan berteknologi tinggi untuk pertumbuhan industri komposit dan mempromosikan teknologi bahan komposit kepada masyarakat melalui pengajaran, latihan dan perundingan.

Pusat Komposit telah dijadikan Pusat Penyelidikan (RC) pada 2012 dan dinamakan semula sebagai Center for Composites (CfC). Penyelidikan yang sentiasa berkembang dalam bidang teknologi komposit telah mewujudkan ekosistem penyelidikan pelbagai disiplin hasil penggunaan bahan komposit yang pelbagai. Oleh itu, keahlian CfC telah berkembang ke fakulti lain, iaitu oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga dan Fakulti Kejuruteraan Awam.

Di bawah penstrukturan semula tadbir urus penyelidikan universiti, CfC telah dinaik taraf sebagai Pusat Kecemerlangan dan dinamakan semula sebagai Centre For Advanced Composite Materials (CACM). CACM telah diletakkan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) pada 2017.

Kerja-kerja penyelidikan felo dan felo bersekutu CACM di dalam bidang berkaitan penyelesaian isu alam sekitar dan kehendak industri telah berjaya diterjemahkan dalam bentuk penerbitan, yang merangkumi topik :

- Kitaran semula bahan buangan (*recycle/reuse composites waste*)
- Mengeksploitasi gentian semula jadi sebagai bahan komposit masa hadapan (*Exploit natural fibre as a future composites materials*)
- Struktur bahan komposit ringan (*Light weight structure*)



CACM telah berjaya meningkatkan jumlah penerbitan setiap tahun di dalam SCOPUS/WOS/ERA iaitu sebanyak 54, 115 dan 113 pada tahun 2021, 2022 dan 2023. Daripada jumlah tersebut, jumlah penerbitan di dalam jurnal Q1 dan Q2 juga meningkat dari setiap tahun (2021, 2022 dan 2023) iaitu 19, 83 dan 75. Beberapa felo penyelidik CACM juga telah berjaya memenangi Anugerah Penulis Dalam Jurnal Berindeks Kategori Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi tahun 2023.



ANUGERAH PENERBITAN (PUSAT KECEMERLANGAN (COE))

Ibnu Sina Institute For Scientific And Industrial Research (ISI-SIR)

Ibnu Sina Institute for Scientific and Industrial Research (ISI-SIR), atau lebih dikenali sebagai Institut Ibnu Sina, merupakan pusat terkemuka dalam kajian sains asas, kini memperluaskan sumbangannya kepada usaha multidisiplin merangkumi sains matematik, fizikal dan sosial, serta teknologi dan kemanusiaan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat di peringkat nasional dan global, sekali gus mencipta masa depan. Institut Ibnu Sina terbentuk bertujuan memaksimumkan manfaat penyelidikan dengan memajukan pengetahuan asas dan seterusnya menyumbang kepada dasar awam yang lebih baik, kemakmuran ekonomi, perpaduan sosial, identiti komuniti, dan kualiti hidup. Institut Ibnu Sina telah dijenamakan semula pada Februari 2015 melalui penggabungan 6 pusat penyelidikan (RC) di UTM, iaitu Pusat Bahan Termampam (Centre for Sustainable Nanomaterials, CSNano), Pusat Data Raya (UTM Big Data Centre, UTM-BDC), Pusat Kajian Kejuruteraan dan Aplikasi Lipid (Centre of Lipids Engineering & Applied Research, CLEAR), Pusat Kajian Sains dan Teknologi Fiqh (Centre for Fiqh Science and Technology, CFIRST), Pusat Industri dan Aplikasi Matematik (UTM-Centre for Industrial and Applied Mathematics, UTM-CIAM) dan Pusat Laser (Laser Centre). Sebagaimana bidang khusus tokoh ilmuwan islam yang terkenal, iaitu "Ibnu Sina" berkaitan sains dan falsafah, institut Ibnu Sina UTM juga turut mempunyai bidang khusus berkaitan sains dan falsafah, ditambah elemen teknologi khas kepada kajian santifik dan melibatkan industri.





Penyelidik dan penyelidik bersekutu Institut Ibnu Sina sentiasa mencari peluang bagi mengetengahkan hasil kajian yang dijalankan kepada masyarakat dengan bergiat aktif dalam pelbagai penyelidikan saintifik. Hasil tersebut boleh dilihat berdasarkan pencapaian ISI-SIR pada tahun 2023, antaranya penerbitan yang telah diterbitkan meliputi 347 artikel saintifik dalam jurnal berindeks WOS/Scopus/ERA, 128 artikel saintifik dalam jurnal tidak berindeks, 9 buah buku, 25 bab dalam buku merangkumi karya asli dan buku penyelidikan, 113 lain-lain artikel prosiding persidangan. Adapun, terdapat beberapa hasil kajian telah digazetkan sebagai polisi di peringkat Kerajaan negeri. Bagi geran penyelidikan, jumlah peruntukan geran yang diperolehi sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak RM 5,862,266.55. Setiap Pusat Penyelidikan (RC) di bawah Institut Ibnu Sina memainkan peranan penting dengan menyumbang berdasarkan kekuatan masing-masing. Selain itu, Institut Ibnu Sina juga telah melahirkan ramai pemenang anugerah di peringkat kebangsaan dan UTM pada tahun 2023, termasuklah Top Research Scientist Malaysia (TRSM), Anugerah Akademik Negara (khususnya Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk dan Anugerah Pengajaran (Kelompok Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan)), Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu dan lain-lain anugerah.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) FAKULTI, UTM JOHOR BAHRU

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dipilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023 bagi Kategori Fakulti adalah kerana komitmen serta usaha yang berterusan oleh pihak pengurusan, wakil majikan dan wakil pekerja dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Penglibatan semua pihak dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa KKP) yang mantap dan efektif membolehkan FKM merancang serta melaksanakan pelbagai program serta latihan berkaitan KKP seperti latihan pengungsian bangunan, program kesihatan mental, program HIRARC dan program-program kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lain. Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (HSEA) yang dilantik menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan bersama-sama dengan Jawatankuasa KKP FKM melalui idea-idea dan pandangan yang bernas bagi menerapkan kesedaran dan kepentingan KKP seperti program *safety pass* sebagai syarat pelajar melepasi tapisan keselamatan asas sebelum dibenarkan memasuki makmal ada bengkel yang mempunyai pelbagai *hazard*. Selain itu, audit dalaman dan pemeriksaan tempat kerja sendiri yang dilaksanakan juga diberikan tumpuan sebagai peluang penambahbaikan serta pengenalanpastian amalan yang baik oleh organisasi. Jawatankuasa KKP FKM juga mampu bertindak dengan baik sekiranya berlaku kemalangan di FKM dengan memberikan komitmen dan kerjasama yang mantap kepada Pejabat OSHE UTM dan JKKP Negeri Johor. Kesimpulannya, panel penilai audit AKKP 2023 telah bersetuju agar FKM dijadikan contoh terbaik seterusnya dianugerahkan sebagai pemenang AKKP 2023 bagi Kategori Fakulti atas komitmen dan pencapaian dalam aspek KKP secara berkesan dan mantap.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) FAKULTI, UTM JOHOR BAHRU

Fakulti Komputeran, UTM Johor Bahru



Fakulti Komputeran (FK) terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023 atas komitmen serta usaha yang dipamerkan oleh seluruh warganya terutama pihak pengurusan FK dalam meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengurusan dan perancangan yang jelas serta tersusun yang diatur oleh Jawatankuasa KKP FK dalam program kesedaran dan latihan berterusan telah memberikan impak yang besar kepada seluruh warga FK. Penasihat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (HSEA) yang dilantik juga telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi untuk meningkat dan menerapkan budaya kerja selamat di tempat kerja. Aktiviti di luar fakulti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa KKP FK telah mengeratkan hubungan silaturahim warganya seterusnya meningkatkan kesihatan mental mereka. Selain itu sistem komunikasi dan rekod maklumat digital yang berkesan diwujudkan melalui laman web OSHE FK bagi menyalurkan pelbagai maklumat serta hebahan kepada warganya.

ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) JABATAN UTAMA, UTM JOHOR BAHRU

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dipilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesehatan Pekerjaan (AKKP) 2023 bagi Kategori Jabatan Utama di atas komitmen yang tinggi serta usaha yang berterusan dalam pengurusan tertinggi JTNC (HEPA) dalam keselamatan dan kesehatan pekerjaan (KKP). Penglibatan pihak pengurusan tertinggi dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesehatan (JKKP) yang mantap dan efektif membolehkan pihak JTNC (HEPA) merancang pelbagai program serta latihan berkaitan KKP seperti Latihan Pengungsian Bangunan SUB, program kesehatan mental, program HIRARC dan program-program kesedaran keselamatan dan kesehatan pekerjaan yang lain. Penasihat Persekitaran, Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan (HSEA) yang dilantik telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berdedikasi serta berperanan aktif bersama-sama dengan ahli JKPP JTNC (HEPA) dalam menghasilkan idea dan pandangan yang bernas bagi meningkat dan menerapkan budaya kerja selamat pada seluruh warga JTNC (HEPA). Selain itu amalan 5S dan kelestarian yang diamalkan oleh JTNC (HEPA) juga amat membantu dalam memastikan tahap kebersihan dan kekemasan berada dalam keadaan sangat baik dan kondusif untuk bekerja.

Selain itu, JTNC (HEPA) mempamerkan sistem pengurusan kontraktor yang baik dan memastikan taklimat keselamatan yang berkesan diberikan kepada semua staf, pelajar dan pelawat yang datang ke JTNC (HEPA). Tambahan lagi, penemuan tindakan bagi semua teguran dulu oleh AKKP 2022 telah diselesaikan mengikut cadangan yang diberikan oleh pihak auditor dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kesimpulannya, panel penilai auditor AKKP 2023 bersepakat bahawa Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dijadikan contoh baik dari segi pengurusan KKP dalam memastikan persekitaran, keselamatan dan

kesihatan di tempat kerja berada pada tahap terbaik selaras dengan Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan UTM.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) JABATAN UTAMA, UTM JOHOR BAHRU

Jabatan Perpustakaan UTM

Jabatan Perpustakaan UTM dipilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023 bagi Kategori Jabatan Utama kerana komitmen dan inisiatif yang baik ditunjukkan dalam aspek pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Jabatan Perpustakaan UTM mempunyai objektif yang jelas dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pelbagai program serta aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dalam usaha memberikan hebahan serta pendedahan berkaitan KKP kepada staf, pelajar dan orang awam.

Di samping itu, penemuan tindakan bagi semua teguran dulu oleh AKKP 2022 telah dapat diselesaikan oleh pihak Jabatan Perpustakaan UTM mengikut cadangan yang diberikan oleh pihak auditor dalam tempoh yang ditetapkan dan ini menunjukkan komitmen berterusan pengurusan tertinggi Jabatan Perpustakaan UTM selaras dengan Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM. Budaya kerja yang selamat telah memberi kelebihan dalam sistem penyimpanan dan pengurusan rekod yang baik dan maklumat tersebut boleh diperolehi dan mudah dicapai. Jabatan Perpustakaan UTM boleh dijadikan contoh kepada warga kampus dari segi pengurusan KKP dalam memastikan tempat kerja yang selamat, sihat dan kondusif selaras dengan Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) KLUSTER, UTM JOHOR BAHRU

UTM Pagoh

UTM Pagoh terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2023 bagi Kluster UTM Johor. Kerjasama staf kampus bersama – sama pihak syarikat konsesi iaitu Sime Darby dalam aspek Keselamatan, Kesihatan dan Pekerjaan (KKP) memberi impak yang baik di mana mereka di bawah satu bumbung telah menjalankan beberapa program dan aktiviti berkaitan KKP dan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pihak pengurusan tertinggi telah memberi komitmen dan peranan yang sangat baik serta menyokong pelaksanaan KKP di samping menjaga kebajikan staf secara khususnya. Dengan sokongan yang dimainkan lebih 40 orang staf di kampus UTM Pagoh yang melibatkan diri di dalam kursus, taklimat dan latihan yang dianjurkan oleh komuniti OSHE UTM Pagoh telah memberikan amalan, pendedahan dan kesedaran yang baik serta efektif. Melihat persekitaran kampus yang kemas, bersih dan teratur telah memberi suasana yang baik kepada staf dan pelajar khusus di tempat kerja yang kondusif. Komuniti OSHE dengan sokongan pengurusan tertinggi telah menjalankan beberapa pertandingan sebagai inisiatif seperti sudut OSHE yang mengandungi pelbagai hebahan dan maklumat terkini berkaitan KKP untuk dipamerkan di tempat- tempat tumpuan seperti pejabat, makmal dan sebagainya.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) KLUSTER, UTM JOHOR BAHRU

Pusat Kesihatan Universiti (PKU)

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) terpilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kategori Kluster UTM Johor bagi tahun 2023. Sesungguhnya segala usaha untuk meningkatkan kualiti, keceriaan serta keselamatan dalam kampus telah diterapkan kepada warga PKU. Melihat kepada persekitaran yang harmoni, ceria dan bersih serta mengekalkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat pusat tanggungjawab yang memberi perkhidmatan kepada seluruh warga university telah menjadikan PKU sangat memenuhi kehendak Universiti umumnya. Pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijalankan serta dipertingkatkan dari masa ke semasa. Selain daripada itu, penglibatan dan penyertaan staf merupakan tunjang kepada kejayaan pelaksanaan program dan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini dibuktikan melalui penerapan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai kesedaran dan amalan untuk didedahkan kepada staf melalui latihan, kursus, taklimat dan sebagainya. Peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan pusat tanggungjawab yang sentiasa bertekad serta beriltizam untuk mewujudkan suatu tempat kerja serta kediaman mahasiswa yang selesa dan kondusif.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) UTM, KUALA LUMPUR

Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur

Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur (BPKL) telah terpilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023 Kategori UTM Kuala Lumpur berdasarkan komitmen dan usaha berterusan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di kalangan warganya. Kejayaan ini merupakan hasil daripada pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) BPKL dengan kerjasama dan komitmen semua pihak.

BPKL merupakan salah satu jabatan yang memberikan perkhidmatan kepada warga UTM Kuala Lumpur melalui perkhidmatan sumber manusia, pembangunan bakat, pengurusan akademik serta kebajikan dan kesejahteraan staf UTM Kuala Lumpur. Justeru, BPKL bertanggungjawab untuk memastikan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada tahap yang optimum agar keselesaan dan keyakinan pekerja dapat dijamin terutama yang melibatkan pengurusan kaunter UTMKL Services. Keselesaan dan keselamatan pelanggan juga menjadi keutamaan JKPP BPKL dalam memastikan penyediaan ruang penyampaian perkhidmatan yang selamat dan kondusif.





JKKP BPKL merupakan penggerak utama dalam mengenal pasti, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti yang diperlukan untuk meningkatkan tahap kesedaran KKP di persekitaran BPKL. Kecemerlangan KKP BPKL ini disokong dengan pelaksanaan persijilan ISO 9001-2015, pelaksanaan amalan EKSA serta pelaksanaan amalan pelestarian berpandukan *Sustainable Development Goals* (SDG). Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) dan Indeks Kepuasan Staf (ESI) juga telah dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dan pengurusan risiko yang lebih efektif selain hasil dapatan audit yang diterima melalui sesi lawatan audit yang lepas.

BPKL meletakkan keselamatan, kesihatan dan keselesaan pekerja sebagai keutamaan jabatan demi memastikan peningkatan tahap penyampaian perkhidmatan yang cemerlang secara berterusan. Oleh itu, melalui aktiviti dan kesedaran KKP secara berterusan telah membangkitkan semangat kerjasama, komitmen dan keprihatinan warga BPKL seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan JKKP BPKL sehingga dicalonkan sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023.

ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) UTM, KUALA LUMPUR

Azman Hashim International Business School

Pada tahun 2023, Azman Hashim International Business School (AHIBS) mencipta sejarah tersendiri kerana pertama kalinya terpilih sebagai finalis bagi Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023, kategori UTM Kuala Lumpur. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan yang berharga, menandakan komitmen tegar AHIBS dalam memastikan kelestarian, keselamatan, dan kesihatan di tempat kerja.

Pencalonan pertama AHIBS dalam AKKP 2023 bukan sekadar suatu pencapaian biasa. Ia mencerminkan dedikasi segenap staf dan pentadbiran AHIBS dalam memastikan setiap aspek ruang kerja dan pembelajaran mematuhi standard keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh UTM dan The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB). AHIBS menghargai setiap individu yang terlibat dalam usaha ini, dari staf pengurusan hingga kakitangan sokongan, kerana setiap peranan adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang selamat dan produktif.

Sebagai institusi pendidikan tinggi yang terkemuka, AHIBS memahami bahawa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah aspek yang tidak boleh dipandang ringan. Dengan penglibatan dalam AKKP 2023, AHIBS menegaskan komitmennya untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat bagi semua warganya. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mematuhi standard AACSB mencerminkan sikap proaktif AHIBS dalam memastikan kebajikan staf dan pelajar menjadi keutamaan utama.



Sebagai finalis dalam Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023, AHIBS telah membuktikan komitmen yang kukuh terhadap kelestarian, keselamatan, dan kesihatan di tempat kerja. Pencapaian ini bukan sahaja menggambarkan pencapaian institusi, tetapi juga mewakili semangat kemanusiaan dan kesetiaan terhadap kesejahteraan masyarakat yang ditanamkan di dalam jiwa AHIBS. Diharapkan pencalonan ini akan memberi inspirasi kepada jabatan lain untuk memprioritikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam usaha mereka untuk kecemerlangan akademik dan keberkesanan organisasi.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) ENTITI PENYELIDIKAN

UTM-MPRC Institute for Oil & Gas (IFOG)

Pada kali ini, UTM-MPRC Institute for Oil & Gas (IFOG) dipilih sebagai finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023 bagi Kategori Entiti Penyelidikan. Pemilihan ini adalah berdasarkan komitmen serta usaha yang berterusan dalam pengurusan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Kerjasama dan sokongan antara pihak pengurusan sehingga ke peringkat pelaksana dalam memastikan pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah pemangkin kepada budaya kerja selamat dan sihat. Selain daripada itu, pengurusan fail dan dokumen KKP yang bersistematis memudahkan maklumat dicapai dengan mudah serta berkesan. Semasa pemeriksaan panel mendapati alat jentera yang memerlukan sijil kelayakan PMA telah dipastikan sah tempoh perakuan dan diperbaharui. Tambahan juga, pasukan keselamatan (*response team*) dilihat efektif dalam menyediakan dan memastikan kebajikan serta keselamatan penghuni terjamin. Secara amnya, keputusan pemarkahan panel penilai adalah sengit bagi kedua-dua finalis pada kali ini. Walaubagaimanapun, panel penilai audit AKKP 2023 telah bersetuju agar UTM-MPRC IFOG dijadikan contoh dan dianugerahkan sebagai pemenang AKKP 2023 bagi Kategori Entiti Penyelidikan atas komitmen dan pencapaian secara berterusan. Diharapkan pada tahun mendatang akan bertambah lagi jumlah entiti penyelidikan yang akan bersaing bersama finalis pada kali ini.



ANUGERAH PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) ENTITI PENYELIDIKAN

Wireless Communication Centre (WCC), UTM Johor Bahru

Wireless Communication Centre (WCC), UTM Johor Bahru dipilih sebagai calon finalis Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2023 bagi Kategori Entiti Penyelidikan kerana usaha dan inisiatif yang ditunjukkan dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). WCC mempunyai objektif yang jelas dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pelbagai program serta aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan di samping pengwujudan sudut KKP seperti Sudut Ergonomik, Sudut Covid-19, Sudut 5S dan Sudut SOP Penggunaan Peralatan dilihat banyak membantu PTJ dalam usaha memberikan hebahan serta pendedahan berkaitan KKP kepada staf, pelajar dan orang awam.

Kaedah penyimpanan rekod dengan menggunakan imbasan Kod QR juga telah memberi kelebihan dalam mewujudkan sistem penyimpanan dan pengurusan rekod KKP yang baik dan maklumat tersebut boleh diperolehi dan mudah dicapai. Wireless Communication Centre (WCC), UTM Johor Bahru boleh dijadikan contoh kepada warga kampus dari segi pengurusan KKP dalam memastikan tempat kerja yang selamat, sihat dan kondusif selaras dengan Polisi Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM.



ANUGERAH KELESTARIAN (FAKULTI / SEKOLAH)

Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR)

Pada 1 Julai 2018, Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Teknologi Termaju UTM Razak, Sekolah Informatik Termaju dan Pusat Pengajian Sains, Teknologi dan Dasar Inovasi Perdana telah bergabung untuk membentuk fakulti baru yang dikenali sebagai Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR). Penggabungan itu adalah sebahagian daripada transformasi UTM Synergi 4.0. Pada 20 Februari 2024 FTIR telah dipilih sebagai Fakulti Kecerdasan Buatan (FAI) bermula pada 31 Oktober 2023 dan siap penubuhannya pada Februari 2024. FAI diterajui oleh Dekan FAI, Ybhg. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Naz'ri Mahrin. Jawatankuasa Pelestarian telah ditubuhkan pada 2018 di bawah Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi), Profesor Madya Dr. Roslina Ibrahim dengan barisan jawatankuasa utama dianggotai Penyelaras Pelestarian FTIR merangkap *Green Manager* (Dr. Nurazean Maarop), Penyelaras Fasiliti (Ts. Dr. Sahnus Usman), Penyelaras OSHE (Dr. Mohd Shamsuri Khaled), Pengurus Badan Kebajikan dan Kesejahteraan (Dr. Rasheed Mohd Kutty) dan Penasihat Aktiviti dan Kebajikan Pelajar Pasca Siswazah (Dr Ruzana Ishak). Seiring dengan misi dan visi FAI yang memberi perkhidmatan kepada manusia sejagat dan membantu transformasi masyarakat, FAI membariskan beberapa *champion* penyelidikan dalam membantu menggerakkan bidang keselamatan tenaga, pembuatan dan bahan pintar, keselamatan air, kehidupan pintar dan bandar mampan, dan generasi lanjutan dan rangkaian sistem bagi tahun 2022 – 2024.



Pada tahun 2023, beberapa tokoh penyelidik UTM FAI telah berjaya meraih anugerah berkaitan pelestarian di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, antaranya adalah Pingat Emas bagi *SDG International Innovation Awards and Expo* berkaitan *Heavy Metal Removal Using Naturally Found Waste Seaweed*, dan Pingat Perak yang berjaya menghasilkan *Renewable Biomass Nano-Co2 Paint*. Beberapa aktiviti kelestarian dijalankan, di peringkat komuniti, kampus dan fakulti termasuk gotong royong pembersihan perkuburan Islam, gotong royong kebun FAI, jualan 3-R, jualan hasil tanaman kebun FAI, kempen penggunaan bin 3-R. FAI juga telah menghasilkan lebih daripada 30 penulisan dan penerbitan berunsurkan kelestarian serta telah menganjurkan lebih dari 10 siri webinar bersifat lestari.



ANUGERAH KELESTARIAN (FAKULTI / SEKOLAH)

Fakulti Alam Bina dan Ukur



UTM-PLANMalaysia MOU

Shahril Abdul Rahman), Pengurus Landskap (PM LAr Dr. Sapura Mohamad), Pengurus Fasiliti (Ts. Dr. Mohd Shahril Abdul Rahman/ Dr. Mohd Rizaludin Mahmud), *Energy Manager* (Sr Ts Dr. Muhammad Imzan Hassan), Pengurus OSHE (PM Sr Dr. Mohd Saidin Misnan), Pengurus Makmal (Sr Dr. Khairulnizam M. Idris), Pengurus IT (Pn. Zaiton Othman), Pengurus Aktiviti & Kebajikan Pelajar (Ts. Dr. Syamsul Hendra Mahmud), serta wakil-wakil staf teknikal dan sokongan (Nur Aqeela Ismail, Saharuddin Hassan, Nor Syafiqah Mohamad Farooq, Izuanor Fazdi Mansor, Umami Hairani Mohd Noor, Nor Aziza Sarman, Fadillah Abdul Hamid) dan persatuan pelajar. Warga FABU telah melaksanakan lebih 40 inisiatif kelestarian yang melibatkan dan memberi manfaat kepada warga dalam dan luar kampus. Antaranya adalah, penganjuran bersama Karnival Lestari Muar dan UTM-TCU *International Workshop*, penyertaan dalam Hari Landskap Negeri Johor dan 4th FIG *Young Surveyors Asia Pacific Meeting*, serta kerjasama melibatkan Plan Malaysia, Jabatan Tanah & Ukur Negeri Sabah, Jabatan Tanah & Survei Sarawak, dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Program kelestarian di Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) adalah berasaskan nilai teras kami iaitu, *Creative, Progressive, Collaborative, Inclusive*, dan *Sensitive*. Jawatankuasa Pelestarian FABU (Lestari FABU) telah ditubuhkan pada 2018. Lestari FABU bagi 2023 adalah dipengerusikan oleh Timbalan Pendaftar (Cik Maimunah Salleh), dan dianggotai *Green Manager* (LAr Dr. Zanariah Jasmani/ Ts. Dr. Mohd

Selain itu, warga FABU telah menghasilkan lebih 60 penulisan/penerbitan yang berkaitan dengan *Sustainable Development Goals* (SDG). Warga FABU juga telah menerima lebih 40 anugerah/ pengiktirafan berkaitan kelestarian pada 2023 seperti *Commonwealth Association of Planners (CAP) Awards for Outstanding Planning Achievement*, dan membantu Bandaraya Ipoh mendapatkan status *UNESCO's Creative City for Music*. FABU juga telah menerima Anugerah Green Leaf/ Anugerah Kelestarian UTM (Kategori Fakulti/Sekolah) bagi tahun 2018, 2020, 2021, 2022. Kemenangan FABU bagi tahun 2021 dan 2022 adalah pencapaian tertinggi setakat ini, dengan menerima 5 *Green Leaf* bagi anugerah tersebut.



Third UTM-TCU International Joint Workshop 2023



Aktiviti di Hub Penyelidikan Makmal Hidup UTM-JPNJ - Hutan Simpan Panty

ANUGERAH KELESTARIAN (FAKULTI / SEKOLAH)

Fakulti Komputeran

Green FC merupakan satu unit baru di Fakulti Komputeran yang ditubuhkan pada 2023. Ianya berfungsi sebagai penggerak utama dalam usaha mempromosi, melaksana, serta memperkasa aktiviti kelestarian di Fakulti, sejajar dengan Pelan Tindakan Kelestarian UTM 2030 yang dilancarkan oleh Prof Datuk Ir. Ts. Ahmad Fauzi Ismail, Naib Canselor UTM.

Dalam usaha mencipta suasana kerja yang lebih produktif dan lestari, *Green FC* telah memberikan perhatian kepada program kesihatan dan kesejahteraan kepada warganya. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan buat masa ini adalah program Kutip Sampah Sambal Riadah (KUDAH), Senamrobik, Kempen Jom Guna Tangga, *Jungle Trekking* di Taman Rekreasi UTM, Sireh Park Hike di Nusajaya serta pelbagai lagi program kerohanian.

Pelaksanaan program KUDAH telah diberi fokus utama sepanjang 2023 bagi memberi sokongan terhadap Kempen Johor Bersih yang merupakan agenda Menteri Besar Johor. Program ini dijangka mampu membawa manfaat yang komprehensif kepada individu, organisasi, serta komuniti sekeliling dalam usaha untuk mengurangkan risiko penyakit, meningkatkan kesejahteraan mental, mewujudkan persekitaran yang bersih dan positif, serta meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan melalui budaya organisasi yang inklusif.

Selain itu, *Green FC* telah melancarkan kempen kitar semula secara ekstensif. Program ini memainkan peranan yang sangat penting dalam mempromosikan kelestarian alam sekitar dan pengurusan sumber yang lebih baik, serta mendidik masyarakat tentang kepentingan mengurangkan sisa, memulihara sumber asli, dan mengurangkan



Pelancaran Jom Guna Tangga dan Kempen Kitar Semula Fakulti Komputeran.

pencemaran. Usaha untuk memperluas dan mempertingkatkan kesedaran terhadap penyertaan dalam kempen kitar semula ini akan sentiasa diperkukuh, bagi memastikan manfaat yang berterusan dan berkekalan untuk generasi akan datang, sekaligus menyokong pembangunan yang lebih mampan dan lestari.

Kempen Jimat tenaga juga kerap dilaksanakan di Fakulti Komputeran dengan memberi penekanan kepada penggunaan elektrik secara berhemah seperti penggunaan peralatan cekap tenaga, lampu LED, lampu solar dan menggalakkan penggunaan cahaya semulajadi. Selain itu, *Green FC* juga menyediakan tangki tadahan air hujan untuk kegunaan siraman tanaman di sekitar fakulti dan melaksanakan pelbagai inisiatif kesedaran kepentingan penjimatan air.

Dengan komitmen yang kukuh terhadap kelestarian, *Green FC* pastinya akan terus mengorak langkah dalam membentuk generasi yang peka terhadap alam sekitar dan keperluan tanggungjawab sosial. Usaha gigih dan pencapaian cemerlang Fakulti ini dalam bidang kelestarian tidak hanya akan memperkukuhkan kedudukannya sebagai institusi pendidikan yang unggul, tetapi juga dijangka akan memberikan impak positif yang berkekalan kepada masyarakat dan alam sekitar. *Green FC* berdedikasi untuk terus bersama-sama memastikan bahawa prinsip kelestarian terus menjadi teras dalam semua aspek operasi dan aktiviti Fakulti. Terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua pihak dalam menjayakan agenda kelestarian kami.



Program 'Jungle Trekking' di Taman Rekreasi UTM



Program KUDAH dan Senamrobik yang dijalankan di Fakulti Komputeran

ANUGERAH KELESTARIAN (JABATAN / PEJABAT)

Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur (BPKL)

Penglibatan dalam bidang pelestarian (*sustainability*) adalah penting untuk mencapai keseimbangan antara kesejahteraan sosial dan perlindungan alam sekitar.

BPKL telah melancarkan beberapa inisiatif di peringkat jabatan yang bertujuan untuk mencapai SDGs seperti program kitar semula, kempen penjimatan tenaga dan pembangunan infrastruktur hijau.

Ini merupakan usaha secara bersama yang memerlukan kerjasama antara semua pihak di BPKL seperti pihak pengurusan, individu dan juga komuniti untuk mencapai matlamat pembangunan lestari di jabatan.

Dalam pada itu, penganjuran inisiatif-inisiatif seperti program Taman Mini BPKL, *Green Office* dan Kesejahteraan telah menjadi pemangkin kepada peningkatan kesedaran kelestarian hijau dan kepentingan dalam mengamalkan gaya hidup sihat seterusnya memupuk semangat kebersamaan dalam aspek kehidupan seharian.

Pengalaman ini merupakan proses pembelajaran yang berterusan dan sentiasa menjadi contoh kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang lain ke arah sebuah organisasi yang lestari. Dengan pelaksanaan pelestarian yang berkesan, kita dapat memastikan masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.



Staf Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur

PENCAPAIAN TERKINI (TEMPOH 3-5 TAHUN)

Antara pencapaian BPKL seperti berikut:

Tahun	Anugerah	Pencapaian
2023	Anugerah Kelestarian Kategori Jabatan/Pejabat UTM	Tempat pertama
2022	Anugerah Kelestarian Kategori Jabatan/Pejabat UTM	Tempat Pertama
2022	Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerja (AKKP)	5 BINTANG
2021	Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerja (AKKP)	5 BINTANG
2021	Anugerah Kualiti Perkhidmatan(AKP)	4 BINTANG
2020	Anugerah Kelestarian Kategori Jabatan/Pejabat UTM	Tempat Kedua
2020	Anugerah Kualiti Perkhidmatan(AKP)	3 BINTANG
2019	Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerja (AKKP)	5 BINTANG

PENCAPAIAN TERTINGGI

BPKL telah berjaya memastikan kedudukan *Green Leaf* UTM berada tahap yang membanggakan dengan pengiktirafan empat (4) leaf bagi dua (2) tahun berturut-turut serta amat cemerlang bagi Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerja (AKKP) dengan mendapat pengiktirafan 5 bintang.

MOTTO BERKUMPULAN

Bersih, Indah dan Sejahtera



Taman Mini Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur

ANUGERAH KELESTARIAN (JABATAN / PEJABAT)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Sustainable Development Goals (SDG) merupakan agenda global berkaitan pelestarian yang memperkenalkan 17 matlamat pembangunan mampan yang perlu dicapai menjelang 2030 dan merupakan elemen penting sesebuah negara kerana merupakan agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi.

Justeru, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mempunyai kapasiti 216 staf di UTM Johor Bahru berperanan utama untuk menyokong pihak pengurusan Kampus UTM terutamanya Pejabat Pelestarian Kampus (UTM CS) dalam usaha memantapkan inisiatif ke arah gaya hidup yang lebih lestari dalam memperkasakan pembangunan dan kebajikan pelajar. Bagi menjayakan hasrat ini, Seksyen Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran (HEP) juga telah diberikan tanggungjawab selaku urus setia Induk Kelestarian dengan melibatkan antaranya, Bahagian Governan & Pentadbiran (HEP), Pusat Kesihatan Universiti, Pusat Kerjaya UTM, Pusat Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling, Pusat Kecemerlangan Sukan, UTMAumni dan UTMXCITE.

Bagi mencapai agenda tersebut, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) telahpun berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya seperti:

1. SDG 1 - Pelaksanaan bantuan awal pengajian daripada Yayasan Bank Rakyat, Program Dermasiswa UTMHoldings dan lain-lain bantuan kepada pelajar kategori B40.
2. SDG 2 - Program Caring Cabinet
3. SDG 3 - *Brisk Walk & Plogging*
4. SDG 4 - Sesi Renungan Pagi
5. SDG 6 - Sukarelawan daripada Pelajar UTM dan staf Bantu Mangsa Banjir di Daerah Segamat, Kota Tinggi, Tangkak dan Parit Sulong, Johor.
6. SDG 7 - Kempen Penjimatan Tenaga & Air
7. SDG 11 - Minggu Mesra Mahasiswa
8. SDG 15 - Program *Green Fest* 'Penanaman Anak Pokok di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC), Hutan Bandar Johor Bahru
9. SDG 17 - Sinergi Pusat Kerjaya UTM dengan Industri Mencatatkan Pencapaian 99 Peratus dalam Kebolehpasaran Graduan Universiti Awam (UA).

Sebanyak 9 daripada 17 SDG telah berjaya diusahakan sepanjang tahun 2023.

Pada tahun 2023, Jabatan TNC (HEPA) telah melakarkan pencapaian yang cukup signifikan dengan dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Teknologi Maklumat (ATM), Citra Karisma dan juga berjaya mengungguli sebagai Finalis Anugerah Kelestarian Kategori Jabatan, Citra Karisma.

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) juga komited untuk sentiasa memperkasakan kelestarian kampus dengan mengorak langkah menggapai visi dan misi kelestarian jabatan ini yang selari dengan agenda kelestarian kampus Universiti dan SDG. Setiap pusat/ bahagian di Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) berperanan utama dalam memperkasakan pembangunan dan kebajikan pelajar yang bertunjangkan SDG seperti menganjurkan program berimpak untuk memperkasakan mahasiswa secara holistik yang menjadi pemangkin kepada masyarakat madani, pemerksaan usahawan pelajar, memperkukuh jaringan kerjasama Alumni UTM, kebajikan pelajar berbentuk *food bank*, *caring cabinet*, peranti siswa, program UTM Games dan program bimbingan kaunseling pelajar serta pemeriksaan kesihatan pelajar dan staf. Program yang diadakan bukan sahaja di peringkat universiti, negeri dan kebangsaan malahan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Oleh yang demikian, pembudayaan inisiatif kelestarian akan sentiasa ditekankan dalam setiap aspek pentadbiran dan pengurusan di Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) bagi membentuk amalan lestari yang unggul dalam kalangan staf Jabatan ini.



Pelbagai Kategori Pencapaian Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dalam Anugerah Citra Karisma

ANUGERAH KELESTARIAN (JABATAN / PEJABAT)

Jabatan Perpustakaan UTM

Perpustakaan UTM komited dalam menyokong dan melaksanakan agenda kelestarian Sasaran Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) menjelang 2030 yang diterajui oleh Pejabat Kelestarian Kampus UTM. Pelajar menerima bimbingan dalam memenuhi keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan melalui program pendidikan pengguna secara dalam talian dan bersemuka. Perkhidmatan inovatif seperti *Librarian Online Chat* dan *Librarian by Appointment* disediakan bagi memastikan keperluan pengguna dipenuhi. Perpustakaan terus menyemarak pembedayaan ilmu seperti *Bicara Karya*, *Knowledge Sharing* dan *Read and Relax* secara dalam talian menerusi Facebook dan Youtube Perpustakaan UTM bagi membolehkan lebih ramai pendengar mendapat manfaat dari ilmu dikongsikan. *UTM Virtual Gallery* menawarkan penerokaan secara maya khazanah warisan koleksi galeri dan artifak. Selain itu, Perpustakaan UTM giat mempromosi *citizen science* kepada warga UTM dan umum dengan menganjurkan *International Symposium on Citizen Science* di peringkat antarabangsa.

ANUGERAH KELESTARIAN  **JABATAN PERPUSTAKAAN**

KNOWLEDGE SHARING

I-Wonder Bin

JUARA INOVASI BAJA KOMPOS

04 Disember 2023
Isnin
11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Ruang Lestari, Aras 3, Bangunan
Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ)

Siaran Langsung:
 **LIVE** @library.utm
 **UTM Library TV**

PANEL 1

 Nuraini Najihah Sulaiman
 Ketua Kumpulan I-Wonder Bin
 SMK Kota Melayu 2,
 Pasir Gudang, Johor

PANEL 2

 Bahayu Abdul Rahman
 Guru Inisiatif dan Fokk
 SMK Kota Melayu 2,
 Pasir Gudang, Johor

MODERATOR

 Dr. Huszalina Hussin
 Pengetua Kanan
 Jabatan Biokimia,
 Fakulti Sains, UTM

SIDANG KEMUNCAK
 PROGRAM PENGHARGAAN 2023

RMG 000
 JOHAN

 facebook.com/libraryutm
 libraryutm
 UTMlibrary_twt
 UTM Library TV
 l.emslam.library
 libraryutm.my

ANUGERAH KELESTARIAN  **JABATAN PERPUSTAKAAN**



International Symposium on CITIZEN SCIENCE

2023

Empowering Communities through Innovative Solutions

2 - 3 October 2023 | Monday & Tuesday | Virtual Symposium

ISOCs 2023
 library.utm.my/isocs2023

Strategic Partners:

 AKADEMI SAINS
 UPT PERPUSTAKAAN
 UNIVERSITAS NEGERI MALANG
 UTM
 SOCIETY 5.0
 4
 17
 13

Pencapaian tertinggi oleh Perpustakaan UTM adalah seperti berikut:

1. Tempat Pertama Anugerah Kualiti Perkhidmatan 2022 sempena Majlis Citra Karisma 2023
2. Pemenang Anugerah Webometrics (Kategori Bukan Akademik - PTJ Perkhidmatan) 2022 sempena Majlis Citra Karisma 2023
3. Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) (Kategori Kampus UTMKL) 2022
4. Penarafan (5 Bintang) Anugerah Kualiti Perkhidmatan 2022 sempena Majlis Citra Karisma 2023
5. Penarafan (5 Bintang) Audit Buku Perkhidmatan Kerajaan Tahun 2023 sempena Majlis Citra Karisma 2023
6. Penarafan (5 Bintang) Audit Sistem UTMHR, SMIS dan HRMIS Tahun 2023 sempena Majlis Citra Karisma 2023
7. Penarafan (4 Bintang) Anugerah Teknologi Maklumat 2022 sempena Majlis Citra Karisma 2023
8. Pengiktirafan (4 Bintang) Kaji Selidik Pengukuran Pembudayaan Nilai Teras UTM (ISES) sempena Majlis Citra Karisma 2023
9. Penyertaan Anugerah Kelestarian 2022 sempena Majlis Citra Karisma 2023 (3 *Green Leaf*)



ANUGERAH KELESTARIAN  **JABATAN PERPUSTAKAAN**

BICARA Karya Anjuran Jabatan Perpustakaan UTM
sinergi bersama UTM Campus Sustainability

UTM SUSTAINABILITY BLUEPRINT 2030

25 September 2023 (Isnin) | 11.00 pagi - 12.00 tengah hari

Siaran Langsung:
 **LIVE** @libraryutm
 **YouTube** UTM Library TV

Panelis:
 Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Fadhill Md Din
 Pengarah, Pejabat Pelestarian Kampus (UTMCS)

Moderator:
 Kiflee Jimpil
 Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Pelestarian Kampus (UTMCS)

#lamutm

Facebook.com/libraryutm | libraryutm | UTMlibrary_tv | UTM Library TV | Live@utm_library | libraryutm.my



ANUGERAH KELESTARIAN | **JABATAN PERPUSTAKAAN**  **UTM** UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

International Symposium on CITIZEN SCIENCE

Empowering Communities through Knowledge

OPEN SCIENCE: STRATEGIES AND DIRECTIONS FOR EXCELLENCE

14 FEBRUARY 2023
TUESDAY
2.30 PM

PANELIS:
 DR. NURZATI SHARLEZZA
 PASTOR JALILLOH
 Pengerusi & Pengetua Open Science
 Sektor Kesihatan, Universiti Kebangsaan
 Malaysia (UKM)

Live In:
 **YouTube** UTM Library Kuala Lumpur
 **LIVE** UTM Library Kuala Lumpur

FOLLOW US NOW
 @UTMLibraryKL
 @utmlibrarykl
 UTM Library TV


2 - 3 October 2023 Monday & Tuesday

Facebook.com/libraryutm | libraryutm

ANUGERAH KELESTARIAN (KOLEJ KEDIAMAN)

Kolej Rahman Putra (KRP)

Kolej Rahman Putra (KRP) dengan komitmen yang teguh terhadap agenda pembangunan kelestarian, telah mengukuhkan dirinya sebagai sebuah kolej kediaman yang berdedikasi untuk mengangkat fokus kelestarian di setiap aktiviti pembangunan mahasiswa di kolej. Dengan bilangan penghuni kolej seramai lebih kurang seribu orang dalam satu-satu masa, kolej ini telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti kelestarian yang signifikan, yang menjadikannya layak untuk diberi pengiktirafan sebagai kolej lestari yang unggul.

Salah satu inisiatif utama yang telah dilaksanakan oleh KRP adalah program kitar semula yang komprehensif. Program ini bukan sahaja melibatkan pengumpulan dan pemrosesan bahan kitar semula, tetapi juga pendidikan berterusan melalui pembangunan modul kepada pelajar tentang kepentingan amalan kitar semula.

Selain itu, KRP juga melaksanakan projek penjimatan tenaga seperti penggunaan lampu LED dan panel solar, serta kempen kesedaran dalam usaha mengurangkan jejak karbon dengan melibatkan pelajar secara aktif. Langkah lain adalah seperti mempromosikan penggunaan air secara berhemah, termasuk inisiatif pengumpulan air hujan untuk keperluan tanaman. Program kesedaran juga ada dilaksanakan bagi mengurangkan penggunaan air dan meningkatkan kesedaran pemeliharaan sumber air.

Di samping itu, KRP aktif dalam memperkasa pelajar melalui aktiviti komuniti yang memfokuskan kepada kelestarian. Projek-projek seperti penanaman pokok dan perkongsian ilmu dengan komuniti setempat telah memperlihatkan komitmen kolej terhadap pembangunan lestari yang holistik. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja memberi impak positif



*Program Compost Creators : Turning Trash Into Treasure
bersama peserta dari SMK Skudai*

kepada alam sekitar, tetapi juga membina semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial di kalangan pelajar.

Sebagai pemenang Anugerah Emas Kelestarian Kolej Kediaman bagi Majlis Anugerah Bakat MAPUM 2023 di peringkat kebangsaan, Anugerah Kampus Lestari Citra Karisma UTM bagi tahun 2021, 2022 serta Anugerah Kenchana Sukma (Kelestarian) JTNCB bagi tahun 2022, maka kesungguhan KRP dalam mengangkat agenda kelestarian tidak terhenti di situ. Kolej ini sentiasa mencari kaedah dan inovatif baru untuk terus memperbaiki dan memperluaskan inisiatif kelestariannya.

Dengan pencapaian yang telah diraih setakat ini, KRP sentiasa bertekad untuk menjadi peneraju agenda kelestarian di Universiti Teknologi Malaysia, bagi memastikan semangat serta usaha gigih warga kolej sentiasa membara demi membangun masa depan yang lebih lestari dan mampan.



Projek Penanaman *Vertical Planting 1.0* yang dilaksanakan Kelab Riverdale KRP di Dewan Merdeka, Kolej Rahman Putra.



Program Eco-Wheel Taman Botani dengan menggunakan semula tayar terpakai sebagai bekas tanaman bersama peserta dari Tadika Kemas Kemajuan, Taman Universiti

ANUGERAH KELESTARIAN (KOLEJ KEDIAMAN)

Kolej Siswa Jaya (KSJ)



Barisan Majlis Felo Kolej Kediaman Siswa Jaya 2024

Kolej Siswa Jaya (KSJ) merupakan kolej yang telah beroperasi sejak 2003 dengan keluasan 3.24 hektar mampu menampung sebanyak 3000 pelajar dengan visi dan misi sebagai kolej penginapan yang selesa serta mampu mendorong pembangunan aktif dan holistik pelajar. Program kelestarian di Kolej Kediaman Siswa Jaya (KSJ) adalah berasaskan motto kumpulan iaitu, *Act Responsible, Think Sustainable*. Bagi mengetengahkan aspek kelestarian di dalam kolej, Majlis Felo KSJ dengan dipengerusikan oleh Pengetua (Dr Mohamed Azlan bin Suhot), Setiausaha (Puan Su Zalpha Mohamed) telah menubuhkan Exco kelestarian (Dr Zatil Izzah Ahmad), Exco akademik dan Antarabangsa (Dr Nor Fadzillah Mohd Hashim), Exco Sukan & Rekreasi (Encik Nabil Hazwan Muhamad Hasim), Exco Sahsiah dan Kerohanian (Encik Radhir Sham Mohamad), Exco Kesenian dan Kebudayaan (Encik Hasan), Exco Keusahawanan (Encik Vikneshvaran), Exco kebajikan (Encik Mohd Syafiq Shamsudin), Exco Keselamatan (En Firdaus) dengan kerjasama felo lain (En Sharifuddin dan En Shazwan) bagi menjalankan aktiviti yang lebih aktif bagi pembangunan pelajar bersesuaian dengan *Sustainable Development Goal (SDG)*. Warga KSJ telah menjalankan pelbagai inisiatif kelestarian yang melibatkan pelbagai aspek SDG yang memberi manfaat kepada pelbagai pihak warga UTM dan komuniti luar. Antara aktiviti yang dijalankan pada tahun 2023 adalah seperti Fiesta, Barakah Ramadhan, Liga Sahur, CSR orang asli Dengkil, Citra Merdeka, Stem Xventure, Ukhwah Malindo dan beberapa aktiviti lain. KSJ telah menerima Anugerah Pembangunan Pelajar Kolej Kediaman sewaktu Majlis Anugerah Gema 2023 dan turut menerima Anugerah *Green Leaf*/Anugerah Kelestarian (Kolej Kediaman) bagi tahun 2023. Kemenangan KSJ pada tahun ini telah meningkatkan semangat kepada warga barisan Majlis Felo KSJ bagi memberikan khidmat terbaik bagi pelajar serta universiti untuk terus maju pada akan datang.



Aktiviti penanaman pokok bakau di Hutan Paya Bakau Sijangkang, Selangor



Menangi Anugerah Pembangunan Pelajar Kolej Kediaman sewaktu Majlis Anugerah Gema

ANUGERAH KELESTARIAN (KOLEJ KEDIAMAN)

Kolej Tuanku Canselor (KTC)

Kolej Tuanku Canselor atau ringkasnya KTC merupakan kolej keenam dibangunkan di UTM. Berlandaskan kepada moto Sinergi, Cemerlang, Dinamik, KTC di bawah kepimpinan Prof. Ir. Ts. Dr. Sharul Kamal Bin Abdul Rahim terus mengorak langkah memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar terus dijulung selain memartabatkan aspek pembangunan pelajar ke arah penghasilan modal insan yang berdaya saing dan holistik.

Kelestarian merupakan antara aspek pengurusan yang menjadi titik fokus dan tumpuan di KTC. Jalinan sinergi antara pelbagai pihak di dalam dan luar UTM menjadi asas utama pelaksanaan aktiviti kelestarian di KTC. Jawatankuasa Kelestarian KTC (JK-KTC) ditubuhkan dan bertanggungjawab dalam merangka matlamat dan aktiviti kelestarian di peringkat KTC. JK-KTC yang terdiri dari wakil-wakil entiti KTC seperti pengetua, Majlis Fellow, Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) serta wakil pengurusan sentiasa melaksanakan aktiviti percambahan idea dalam aspek kelestarian. Selain itu, kewujudan Biro Kelestarian dan Kemasyarakatan di JKM turut menyumbang kepada inisiatif kelestarian di KTC.



Aktiviti kelestarian KTC bukan sekadar melibatkan aktiviti di kolej kediaman seperti kempen-kempen penjimatan air dan tenaga, kempen pengurusan sisa, berkongsi kenderaan, 3R namun turut melibatkan aktiviti bersama komuniti seperti sekolah dan warga luar bandar khususnya mengenai penggunaan tenaga boleh diperbaharui, sistem Internet of Things (IoT) dan sebagainya. Adalah menjadi matlamat KTC untuk memelopori aspek kelestarian di UTM dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti berimpak tinggi bukan hanya kepada warga kolej dan UTM tetapi juga komuniti setempat. Integrasi antara Government-University-Community-Industry (GUCI) dan Integrity-Sustainability-Excellence-Synergy (ISES) sentiasa menjadi penunjuk ke arah matlamat pelaksanaan aktiviti kelestarian yang lebih jelas.

Di peringkat UTM, KTC telah berjaya merangkul beberapa anugerah dan penarafan antaranya Tempat Kedua Anugerah Kelestarian (Kolej Kediaman) Citra Karisma 2021, Anugerah Penghargaan di Anugerah Kelestarian (Kolej Kediaman) Citra Karisma UTM 2021 dan penarafan 3 Green Leaf pada 2022 dan KTC akan terus mengorak langkah maju ke hadapan bagi menyokong kelestarian UTM.



ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) atau lebih dikenali sebagai JTNCN merupakan PTJ yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pengurusan infrastruktur, fasiliti, dan aset Universiti. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam memastikan UTM memiliki prasarana yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, dan pentadbiran. JTNCN sentiasa komited dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui penggunaan perkhidmatan ICT merangkumi penambahbaikan infrastruktur dan infostruktur ICT serta penggunaan data dalam membantu pembuat keputusan strategik.

Di samping itu, JTNCN telah menetapkan dua matlamat strategik iaitu berkaitan perkhidmatan cekap dan strategik serta penjana pendapatan yang maksimum menggunakan aset sedia ada yang dimiliki oleh Universiti ini secara optimum. Perkhidmatan yang cekap dan strategik yang dimaksudkan ialah menjalankan gerak kerja dengan lebih teratur berdasarkan strategi kerja yang telah ditetapkan.

Antara inisiatif ICT yang telah berjaya dilaksanakan dan memberi kesan langsung dalam meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan adalah seperti berikut:


1. Melaksanakan penggantian komputer baharu kepada staf-staf bagi menyokong operasi harian staf dan kegunaan acara/program rasmi jabatan/Universiti.
2. Menaik taraf kemudahan talian sidang video bagi kegunaan mesyuarat secara dalam talian dengan organisasi luar ke arah inisiatif penjimatan kos operasi.
3. Menaik taraf Sistem Pengurusan dan Tempahan Kolej Kediaman Pelajar bagi pengurusan penempatan asrama yang lebih efektif.
4. Inisiatif Penyata Digital Potongan Wakaf dan Wakaf di Aplikasi Mudah Alih UTMSmart.
5. Membangunkan Dashboard Data Analitik iaitu Dashboard Kewangan, Wakaf dan Aduan Fasiliti (ECS) yang membantu pelaporan strategik JTNCN kepada pihak-pihak yang berkepentingan.
6. Pembangunan Pangkalan Data Geospasial Tanah UTM.
7. Membangunkan Sistem UTM Fundraising bagi membantu kempen kutipan *endowmen* UTM.
8. Membangunkan Sistem E-Bid Nombor Pendaftaran Kenderaan UTM bagi inisiatif pendanaan yang diselaraskan oleh Bahagian Pemajuan, JTNCN
9. Membangunkan OSHE Smart System bagi pengurusan hal Keselamatan dan kesihatan pekerjaan di UTM.
10. Membangunkan Sistem Integrasi Pengurusan Fasiliti dan Ruang UTM (iFaS).



Disamping itu juga, JTNCPC juga komited dalam meningkatkan indeks kepuasan perkhidmatan ICT kepada pelanggan melalui pelbagai inisiatif penambahbaikan perkhidmatan ICT dan pada tahun 2023 indeks Kajian Kepuasan Pelanggan (CSI) adalah sebanyak 86% dan data ini menunjukkan inisiatif yang telah dilaksanakan melalui pelbagai penambahbaikan infrastruktur dan infostruktur ICT telah mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, penambahbaikan perkhidmatan ICT akan diteruskan kerana terdapat beberapa program/projek yang sedang dan akan dibangunkan selari dengan agenda transformasi pendigitalan UTM.



Sistem Pengurusan Aduan Fasilitas UTM



Sistem Integrasi Pengurusan Fasilitas dan Ruang UTM (iFAS)

ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) atau lebih dikenali sebagai JTNCAA merupakan PTJ yang bertanggungjawab dalam menggubal dan melaksanakan dasar akademik Universiti selaras dengan aspirasi pendidikan nasional dan global di UTM. JTNCAA berperanan memastikan jaminan kualiti akademik dipatuhi berdasarkan piawaian yang ditetapkan dengan menawarkan persekitaran pembelajaran dan prasarana yang kondusif. Disamping itu juga JTNCAA perlu memastikan program akademik yang disediakan adalah holistik dan seimbang serta memenuhi keperluan industri. JTNCAA sentiasa komited mencetuskan idea-idea baharu dalam meningkatkan sistem penyampaian UTM melalui penggunaan ICT.

JTNCAA juga mengamalkan konsep lestari dan perbelanjaan berhemah dengan mengurangkan penggunaan kertas melalui penggunaan Sistem Mesyuarat atas talian yang menggunakan dokumen maya dan penggunaan video conferencing antara UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur dan juga kepada organisasi luar. Melalui inisiatif pelaksanaan ICT, JTNCAA telah berjaya mengurangkan kos operasi jabatan dari segi kos perjalanan staf UTM KL ke UTM JB, kos pembelian kertas dan toner dan kos sewaan mesin fotokopi. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ICT ini juga telah memudahkan serta mempercepatkan lagi pengurusan JTNCAA dalam menyampaikan informasi dan juga membantu dalam memantapkan lagi pelaksanaan program serta pelaksanaan kerja harian.

Disamping itu juga, JTNCAA juga komited meningkatkan kecekapan mendapatkan maklumbalas pelanggan melalui infrastruktur yang optimum dan sistem yang mantap. Ini bertepatan dengan piagam pelanggan JTNCAA untuk memberi perkhidmatan yang mesra kepada

pelanggan dengan tepat dan cepat. Antara inisiatif bagi pengukuran tahap kepuasan pelanggan JTNCAA telah menyediakan beberapa sistem bagi tujuan kepuasan pelanggan seperti aduSPS dan Jotform (Soal selidik kepuasan pelanggan di blok pelajar).

Melalui pelaksanaan penggunaan pelaporan *Business Intelligence (Power BI)*, JTNCAA dapat mengurangkan masa pengeluaran data dari 1 minggu kepada 2 hari bekerja kepada Fakulti/Jabatan dan pihak luar. JTNCAA telah menyediakan semua bentuk analisa dan pelaporan sebagai kemudahan kepada pemilik data agar dapat mengeluarkan data tanpa memerlukan bantuan dari staf teknikal IT. Dengan kaedah ini juga semua jenis pelaporan telah diselaraskan bentuk laporannya agar semua pelaporan dapat digunakan dengan lebih mudah. Pihak JTNCAA dari semasa ke semasa sentiasa memikirkan penambahbaikan terhadap penyediaan rekod berkaitan akademik di dalam pelaporan BI ini.

Dapatan maklumat dan rekod akademik ini diperolehi daripada pelbagai sistem dan modul yang telah dibangunkan yang mana ianya telah membentuk satu ekosistem ICT Akademik dari mula pelajar mendaftar sehinggalah pelajar bergraduan.



Pembudayaan ICT JTNCAA – Ekosistem Akademik



Pembudayaan ICT JTNCAA – Penggunaan Sistem-sistem Universiti

JTNCAA bukan sahaja mengguna pakai sistem berkaitan akademik malahan juga sentiasa menggunakan sistem universiti yang lain bagi pemudahcara dalam mengurus dan mentadbir jabatan. Ini termasuklah dalam penggunaan sistem-sistem berkaitan Pengurusan Sumber Manusia dan sistem-sistem Universiti yang lain. Di samping itu juga, JTNCAA terlibat untuk menyediakan data bagi sistem-sistem universiti yang lain seperti sistem BTS, HR dan sebagainya.



Perkhidmatan ICT yang disediakan

ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jabatan Bendahari

Jabatan Bendahari merupakan PTJ yang memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan UTM dan matlamat jabatan ini adalah menguruskan kewangan universiti dengan cekap dan berkesan serta bertanggungjawab untuk semua aspek pengurusan kewangan UTM termasuk Perancangan dan penyediaan bajet, Pengurusan perolehan dan pembayaran, Pengurusan pelaburan, Penyediaan penyata kewangan, Audit dalaman, Pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan tata kelola pengurusan kewangan Universiti.

Antara perkhidmatan ICT yang menyokong operasi harian di Jabatan Bendahari adalah seperti berikut:

- 1) Pengurusan sistem (UTMFin & Payroll) - Ia merangkumi pengurusan rangkaian, pelayan dan sistem storan, dan memastikan bahawa semua sistem dan aplikasi berfungsi dengan baik.
- 2) Sokongan Pengguna Akhir - Menyediakan bantuan teknikal untuk semua staf di Jabatan Bendahari seperti membantu pengguna memahami sistem atau aplikasi, menyelesaikan masalah dan memberikan latihan.
- 3) Infrastruktur ICT - Ia merangkumi pembangunan, pemeliharaan dan pengurusan rangkaian, server, storan dan sistem lain untuk memastikan operasi yang lancar.
- 4) Perisian Sokongan ICT - Perisian sokongan adalah merupakan sistem kewangan ad-hoc yang dibangunkan untuk menyokong operasi harian di Jabatan Bendahari seperti sistem eCommerce, Iklan Perolehan, Aduan Dalaman, UTMPayTrack, Penyata Pendapatan, Soal Selidik dan lain-lain.

Dalam usaha untuk memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan, Jabatan Bendahari dengan kerjasama UTMDigital telah membangunkan Sistem Maklumat Kewangan Pelajar (MyAIMS Pelajar) bagi menggantikan sistem kewangan pelajar sedia ada di mana sistem yang baharu ini menggunakan teknologi terkini dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi, mesra pengguna serta selari dengan keperluan semasa. Dalam masa yang sama, Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu Universiti (UTMFin) sentiasa ditambahbaik dan diselenggara dalam memastikan operasi pengurusan kewangan berjalan dengan lancar. Jabatan Bendahari juga telah membangunkan sistem-sistem maklumat yang lain seperti Sistem Payrol, Sistem UTM Payhub, Sistem Pengurusan Iklan Perolehan (SEP) dan Sistem UTMPayTrack. Semua sistem tersebut dibangunkan untuk membantu menguruskan operasi tatacara pengurusan kewangan dengan pelanggan secara cekap dan berkesan.



Sistem UTMPayHub – saluran pembayaran berpusat UTM



Sistem UTMPayHub – saluran pembayaran berpusat UTM

Jabatan Bendahari akan sentiasa komited untuk menambahbaik perkhidmatan ICT kepada pelanggan melalui program/projek ICT yang dirancang melalui pelan jangka pendek dan jangka panjang jabatan selari dengan Pelan Strategik UTM enVision 2025 dan Pelan Strategik Pendigitalan UTM 2024-2028.

ANUGERAH WEBOMETRIK (INDIVIDU)

Puan Nizamra binti Masdar Fakulti Komputeran



Puan Nizamra binti Masdar merupakan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di Bahagian Pengurusan Akademik, Program Pasca Siswazah, Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Minat Puan Nizamra dalam bidang penulisan mula berkembang selepas terdedah kepada ilmu daripada usahawan pelaburan simpanan emas (Oradesign & Publicgold). Keinginan untuk berkongsi manfaat dan kebaikan simpanan emas dengan rakan-rakan telah mendorong beliau menjadikan penulisan di laman web sebagai hobi yang menyeronokkan, sambil memberikan impak positif kepada pencapaian beliau sebagai warga UTM.

Pada asalnya bermula sebagai hobi semasa pandemik melanda dunia pada tahun 2019, penulisan dan perkongsian beliau kini telah mencapai tahap yang membanggakan. Inisiatif “sharing is caring” beliau telah berjaya memenangi Anugerah Webometrik di peringkat Sekolah Komputeran dan Fakulti Kejuruteraan pada tahun 2020. Selain itu, beliau juga merupakan finalis Majlis Anugerah Citra Karisma bagi tahun 2021 (Penghargaan PERAK) dan finalis Anugerah Webometrics (Kategori Individu) bagi tahun 2022.



Di laman web rasmi beliau, <https://people.utm.my/nizamray/>, Puan Nizamra tidak hanya berkongsi tentang simpanan emas dan aktiviti di Pejabat Akademik, Fakulti Komputeran, dan UTM. Laman web tersebut juga dipenuhi dengan perkongsian ilmu berkonsep santai dalam bentuk tazkirah, info kesihatan, petua, resepi, doa harian, serta aktiviti keluarga.

Melalui laman web ini, Puan Nizamra terus memberikan inspirasi kepada rakan-rakan ,komuniti UTM dan orang luar, menjadikan penulisan sebagai satu medium untuk menyebarkan ilmu dan kebaikan kepada semua.

Chocolate Banana

Profil Saya

- Blogroll
- Tugas saya
- Pendidikan Saya
- Kemahiran Saya
- Pengalaman Saya

Aktiviti Saya

- Kelab Saya
- Kehammat Masyarakat Saya
- Sukan Saya

Sumbangan saya

- Maklumi Diri Saya

TIPS HEBAT BERJAYA DENGAN EMAS.

Posted on May 31, 2022 Leave a Comment (Edit)

Lagi besar gaji atau pendapatan bulanan, sepatutnya lebih besar peruntukan emas yang perlu di simpan.

Jangan main-main dengan simpanan dalam bentuk wang tunai. Kalau tak beli emas, mesti ia akan habis dengan cepat tanpa disedari.

Kalau tak percaya, cubalah simpan duit bankak-baruk. Tak dan lama, sekejap saja dah habis tak tahu pergi mana.

Ituqamalah mesej yang paling penting

Dapat gaji, terus simpan untuk beli emas secara paksa. Lepas tu jangan duk fikir tentangnya. Insyaallah saja. Kalau tak natin, jirwa jadi kacau.

Profil Diriku

Nama : Nizamra binti Masdar
 Jawatan : Pembantu Tadris (Perkeranian Operasi)
 Unit : Pasca Sarjana, Pejabat Akademik
 Sekolah komputeran, Fakulti Kejuruteraan
 Universiti Teknologi Malaysia
 Johor Bahru, Johor

May 2022
M T W T F S S

ANUGERAH WEBOMETRIK (INDIVIDU)

Encik Noranizam bin Haji Demin

Fakulti Sains



Encik Noranizam Bin Demin merupakan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).


Berbekalkan minat mendalam dalam teknologi maklumat dan pembangunan web, Encik Noranizam mula mengemaskini laman web peribadi beliau sebagai platform untuk berkongsi maklumat berkaitan kerja harian, projek-projek teknologi yang sedang dijalankan, serta aktiviti-aktiviti berkaitan kerja yang lain. Minat ini tercetus setelah mengikuti kursus pengurusan laman web dan media sosial anjuran UTM pada tahun 2018.

Sebagai seorang yang berdedikasi dan komited, Encik Noranizam berjaya menjadikan laman web beliau sebagai satu sumber rujukan penting bagi rakan sekerja dan komuniti fakulti. Pada laman web rasmi <https://people.utm.my/nnizamy/> selain daripada kandungan berkaitan teknologi dan projek-projek yang sedang dijalankan, beliau juga sering berkongsi maklumat tentang perkembangan terkini dalam dunia teknologi, tips dan trik penggunaan perisian, serta artikel-artikel yang memberi inspirasi kepada pembaca.

Laman web beliau tidak hanya fokus kepada teknologi semata-mata, malah turut merangkumi aspek peribadi seperti hobi berkaitan fotografi, aktiviti sukan yang disertai, serta resepi-resepi masakan yang dicuba.


Encik Noranizam percaya bahawa keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi adalah kunci kepada kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi.

Encik Noranizam Bin Demin telah menjadi finalis Anugerah Webometrics bagi tahun 2023 atas usaha gigih beliau dalam mengemaskini dan memperkayakan laman web peribadinya dengan kandungan yang berkualiti dan bermanfaat. Pencapaian ini adalah pengiktirafan terhadap dedikasi dan sumbangan beliau kepada komuniti UTM, serta sebagai inspirasi kepada rakan sekerja untuk terus berkongsi ilmu dan pengalaman melalui platform digital.



ANUGERAH WEBOMETRIK (KATEGORI INDIVIDU)

Cik Noreha bt Mat Isa @ Abdul Rahman Fakulti Komputeran



Cik Noreha binti Mat Isa @ Abdul Rahman merupakan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (NA26) di Pejabat Akademik, Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dengan latar belakang yang kukuh dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, Cik Noreha telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mengemaskini laman web peribadinya dengan pelbagai kandungan yang bermanfaat. Semenjak menyertai bengkel pengurusan kandungan digital yang dianjurkan oleh UTM pada tahun 2019, beliau telah mula aktif berkongsi pelbagai maklumat berkaitan tugas harian, aktiviti-aktiviti

berkaitan kerja, serta pandangan peribadi mengenai topik-topik semasa.

Laman web rasmi beliau, <https://people.utm.my/noreha/>, menjadi platform utama untuk Cik Noreha berkongsi tentang aktiviti di Pejabat Akademik, Fakulti Komputeran, serta inisiatif-inisiatif terbaru yang dijalankan oleh fakulti. Selain itu, beliau juga turut berkongsi pelbagai tip dan panduan mengenai pengurusan masa, kemahiran komunikasi, serta strategi-strategi untuk meningkatkan produktiviti di tempat kerja.

Tidak terhad kepada kandungan berkaitan kerja semata-mata, Cik Noreha juga menampilkan sisi peribadi melalui perkongsian mengenai hobi seperti membaca buku dan berkebun. Beliau percaya bahawa dengan berkongsi pengalaman dan ilmu, ianya dapat memberikan manfaat kepada orang lain serta memperkayakan lagi pengetahuan pembaca laman webnya.


Penglibatan aktif Cik Noreha dalam mengemaskini laman web peribadinya telah melayakkan beliau menjadi finalis Anugerah Webometrics bagi tahun 2023. Pencapaian ini adalah bukti dedikasi dan usaha gigih beliau dalam memanfaatkan teknologi digital untuk kebaikan komuniti UTM. Cik Noreha berharap agar laman webnya dapat terus menjadi sumber inspirasi dan rujukan bagi rakan-rakan sekerja dan seluruh warga UTM.

**ANUGERAH WEBOMETRIK
KATEGORI BUKAN AKADEMIK
(PTJ Perkhidmatan)**

Jabatan Pendaftar



Jabatan Pendaftar merupakan antara jabatan utama dalam pengurusan pentadbiran Universiti yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada Universiti bermula dari staf lapor diri sehingga urusan persaraan. Perkhidmatan yang disediakan termasuk perkhidmatan pengurusan staf, pembangunan staf, keselamatan staf sehingga kepada kebajikan staf. Sehubungan itu hebahan maklumat berkaitan isu terkini dan kemudahan perkhidmatan yang disediakan amatlah penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tersebut berkualiti dan berinformasi. Oleh yang demikian, pembangunan Laman Web amat penting agar penyampaian maklumat dan makluman yang berkenaan dapat diakses dimana-mana dan pada bila-bila masa.

Proses pembangunan Laman Web Jabatan Pendaftar telah bermula pada tahun 2000 dan sehingga kini Laman Web Jabatan Pendaftar telah melalui pelbagai perubahan struktur serta penggunaan aplikasi *Content Management System (CMS)*. Ianya bermula dengan penggunaan aturcara klasik laman web, Joomla dan terkini menggunakan WordPress. Pusat Pengurusan Data Universiti, Jabatan Pendaftar memainkan peranan utama bagi menyelaras pembangunan serta penambahbaikan laman web Jabatan Pendaftar. Paparan laman web yang dibangunkan juga memenuhi kehendak pelanggan terkini. Bagi memenuhi keperluan maklumat dan kemudahan pelanggan, Jabatan Pendaftar telah mewujudkan Jawatankuasa *IT Buddy web* Jabatan Pendaftar yang dianggotai oleh staf-staf dari setiap bahagian di dalam Jabatan Pendaftar.



Bagi memperkuatkan lagi pasukan *IT Buddy*, ahli yang dipilih dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu pengurusan maklumat web bahagian, penyedia rekabentuk grafik web dan pengurus maklumat inventori peralatan ICT di dalam borang *online* di web. Pengurusan web Jabatan Pendaftar memainkan peranan penting bagi memastikan laman web Jabatan Pendaftar senantiasa dikemaskini supaya dapat menyajikan maklumat yang terkini dan benar. Segala permasalahan yang diterima akan dipandang serius dan tindakan segera akan diambil agar maklumat yang wujud di dalam laman web adalah terkini dan tepat. Pelbagai maklumat seperti urusan perubatan, iklan kerjaya dan naik pangkat, permohonan data *online*, latihan, kaunseling, HRMIS, kad matrik, perisytiharan harta, Citra Karisma, Sanjungan Budi dan banyak lagi telah disediakan bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Pusat Pengurusan Data Universiti, Jabatan Pendaftar telah menggunakan theme DIVI sejak tahun 2017 sejajar dengan perkembangan semasa dan mengikut garis panduan pihak Universiti. Sehingga kini, laman web telah melalui empat perubahan besar rupabentuk bagi memantapkan lagi cara penyampaian dan maklumat yang ingin disampaikan. Laman web Jabatan Pendaftar juga telah menjadi finalis bagi Anugerah Teknologi Maklumat (Webometriks) Bukan Akademik pada tahun 2014, 2017, 2019 dan 2022.



ANUGERAH WEBOMETRIK KATEGORI BUKAN AKADEMIK (PTJ Perkhidmatan)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Meningkatkan Keterhubungan Penyelidikan di UTM dengan *Research Ecosystem Sidebar*

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah lama dikenali sebagai pusat kecemerlangan akademik dan penyelidikan. Di bawah naungan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTM menempatkan pelbagai entiti penyelidikan termasuk pusat penyelidikan, institut penyelidikan, pusat kecemerlangan, Higher Institution Centres of Excellence, dan entiti perkhidmatan. Namun, satu cabaran utama yang dihadapi adalah memastikan keterhubungan yang lancar antara semua entiti ini dalam ekosistem digital ini.

Sebelum ini, pengunjung yang ingin mendapatkan maklumat daripada pelbagai entiti ini perlu bergantung kepada enjin carian Google, yang tidak memberi gambaran jelas jaringan antara laman web tersebut. Menyedari keperluan untuk penyelesaian yang lebih baik, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah membangunkan satu sistem inovatif yang dinamakan *Research Ecosystem Sidebar*.

Apa Itu *Research Ecosystem Sidebar*?

Research Ecosystem Sidebar adalah satu plugin WordPress yang direka khas untuk digunakan pada semua website entiti penyelidikan di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Sidebar ini berfungsi sebagai alat navigasi yang menghubungkan semua entiti penyelidikan, membolehkan pengunjung untuk dengan mudah berpindah dari satu website ke website yang lain tanpa perlu melakukan carian berasingan. Sidebar ini merangkumi:

1. Link Menu ke Semua Entiti Dalam Jabatan

Menu navigasi yang komprehensif menghubungkan semua entiti di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), memastikan pengguna boleh mengakses mana-mana entiti dengan hanya satu klik.

2. Search Button

Fungsi carian yang memudahkan pengguna mencari informasi spesifik di seluruh ekosistem penyelidikan UTM.

3. Ruang *Announcement*/Iklan

Ruang untuk pengumuman dan iklan yang boleh digunakan untuk menyampaikan informasi penting, acara, atau promosi kepada pengguna.

4. Ruang bagi Menjadi Subscriber UTM Nexus

Tempat bagi pengguna untuk mendaftar sebagai subscriber UTM Nexus, platform yang menyatukan komuniti penyelidikan UTM.

5. Link kepada *Customer Satisfaction Index Form*

Pautan untuk pengguna mengisi borang indeks kepuasan pelanggan, membantu UTM dalam mengukur dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

ANUGERAH WEBOMETRIK KATEGORI BUKAN AKADEMIK (PTJ Perkhidmatan)


Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pengurusan fasiliti dan aset universiti. Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) juga bertanggungjawab untuk memperkasa tadbir urus dan responsif demi fungsi yang lebih berkesan. Ini termasuk melakukan audit untuk memahami status semasa dan merancang perancangan jangka sederhana dan panjang bagi mengoptimumkan dan membangunkan hartanah serta penyelenggaraan aset.

Prof. Dr. Edy Tonnizam Mohamad, yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM, menekankan bahawa peranan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) tidak hanya terhad kepada aspek fizikal, tetapi juga berfungsi menyokong segala aktiviti R&D, P&P, dan kegiatan mahasiswa, serta membangunkan kelestarian dan kemampuan sumber pendapatan universiti.

Dengan demikian, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) memainkan peranan kritikal dalam memastikan universiti bergerak seiring dengan keperluan semasa dan masa depan, serta memperkuat posisi UTM sebagai universiti penyelidikan yang unggul.

Oleh itu, bagi menyokong kefungasian Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), portal Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dibangunkan berperanan sebagai medium pengantara maya yang penting untuk menjalankan komunikasi dalam memperkuat identiti, meningkatkan visibiliti, dan meningkatkan mutu kredibiliti Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).



Rajah 1: Laman Web Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM




Rajah 2: Laman Web Promosi dan Pemasaran Laman Web Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM

Portal Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) ianya juga berfungsi sebagai saluran utama di dalam menyokong sistem penyampaian maklumat, berita, informasi, maklum balas serta kerjasama Jabatan Naib Canselor (Pembangunan) bersama pengguna, pelanggan dan pemegang taruhnya (*To Support DVC Development Department Engagement With User, Customer and Stakeholder Through Website*)


Capaian tanpa henti 24 jam sehari dan 7 hari seminggu, Portal Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) yang menyambungkan pengguna kepada tawaran promosi perkhidmatan yang disediakan dengan mudah, cepat dan efisien (Rujuk rajah 2) . Kesungguhan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) di dalam mendekati pelanggan dibuktikan lagi dengan kaedah perkongsian maklumat aktiviti dan acara jabatan melalui perkongsian kalendar acara jabatan (event Calendar) dan borang maklumbalas di dalam pautan portal (Rujuk rajah 3 dan 4).

Di dalam menyokong maklumat yang sejajar (*synchronize*) di dalam pelbagai platform, integrasi platform media sosial Facebook Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) <https://www.facebook.com/dvcdev.utm> turut dilakukan sebagai inovasi di dalam portal (Rujuk rajah 5).


Sebagai rujukan, portal Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM boleh dicapai melalui url <https://dvcdev.utm.my/>



Rajah 3: Kalendar Acara Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)



Rajah 4: Maklumbalas Atas Talian Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)



Rajah 5: Integrasi platform media sosial Facebook di dalam Portal Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

ANUGERAH WEBOMETRIK KATEGORI PTJ AKADEMIK (Fakulti/ Sekolah)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Mendepani cabaran global dan membantu negara dalam melahirkan tenaga kepakaran teknologi dan kejuruteraan, penggunaan teknologi maklumat iaitu laman web Faculty of Electrical Engineering UTM menjadi sumber utama dalam pemberitahuan maklumat yang terkini, jitu dan menjadi rujukan kepada komuniti Fakulti Kejuruteraan Elektrik iaitu, pelajar, warga kerja, alumni, rakan industri dalam dan luar negara malah dunia pendidikan tinggi seluruh dunia. Pengemaskinian secara berkala laman web Fakulti Kejuruteraan Elektrik dibuat bagi memastikan ianya menjadi rujukan yang tepat kepada semua pemegang taruh.

Sebagai satu entiti yang menerajui kepakaran kejuruteraan dan teknologi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah menganjurkan pelbagai program yang secara tidak langsung melonjakkan penarafan webometrics laman web Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Laman Web Fakulti Kejuruteraan Elektrik turut dijadikan platform pemasaran bagi program akademik FKE dan dioptimumkan sepenuhnya semasa program promosi Jom Masuk Universiti, Karnival Kerjaya Pusat Matrikulasi dan juga penggunaan QR Code pada kit promosi FKE.


FKE telah menyusun strategi bagi melonjakkan penarafan webometrics iaitu:

1. Menjadikan laman web Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebagai medium hebahan utama kepada pelajar dan staf bagi mendapatkan informasi yang terkini berkaitan aktiviti-aktiviti akademik, saluran utama bagi panduan akademik dan dokumen serta borang berkaitan untuk dimuat turun;
2. Maklumat program yang komprehensif, aktiviti pelajar, aktiviti akademik dan juga pelbagai aktiviti pengukuhan penyelidikan;
3. Memudahkan capaian kepada pelajar berkenaan maklumat,



kemudahan fasiliti, panduan, borang, peraturan, servis, biasiswa, kursus dan kalendar melibatkan program dan aktiviti akademik seperti laman sesawang sekolah, My AIMS, Webmail pelajar, E-Learning, Sistem Latihan Industri, Permohonan Asrama, Sistem Penilaian Pensyarah, Sistem Jadual Waktu, AMD, SRAD, SPS dan lain-lain;

4. Mengukuhkan dan menyokong aktiviti penyelidikan dalam mentransformasikan penyelidikan dan keupayaan akademik untuk memupuk bakat holistik seterusnya menerajui teknologi inovatif. Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan objektif yang sangat jelas; membina masa depan tanpa sempadan untuk membentuk pasukan pelbagai rentas disiplin (*multiple cross-disciplinary*);
5. Memudahkan capaian kepada staf Fakulti berkaitan maklumat polisi dan panduan serta maklumat kekosongan jawatan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik;
6. Kebanyakan program yang dijalankan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik seperti seminar, bengkel dan seumpamanya diletakkan dibawah domain fke.utm.my;
7. Laman web Fakulti Kejuruteraan Elektrik juga merupakan antara medium maklum balas terhadap segala perkhidmatan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik daripada pihak dalaman mahupun pihak luar, dengan pelbagai kategori perkhidmatan, dalam usaha menambah idea, mendapatkan komen dan cadangan dari pengunjung agar dapat menambah baik serta meningkatkan lagi mutu dan kualiti tahap perkhidmatan yang diberikan dari masa ke semasa;
8. Laman web Fakulti Kejuruteraan Elektrik juga merupakan antara salah satu medium Alumni FKE bertaut kembali supaya dapat membantu FKE dalam melahirkan graduan yang boleh menyumbang kepada pembangunan FKE pada masa hadapan sama ada dalam bentuk kewangan, idea, tenaga atau sokongan tidak langsung; dan
9. Laman web fakulti ini juga turut dipautkan kepada aplikasi Facebook, Instagram dan Youtube Fakulti Kejuruteraan Elektrik, selaku MediaFKE.



The screenshot displays the official website of the Faculty of Electrical Engineering at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The page features a navigation menu with links for Home, About Us, Academic Programs, Research & Development, News, and Contact Us. The main content area is organized into a grid of departmental highlights, each with a representative image and a brief description:

- Communication Engineering (CCMM):** Established in November 2019, this department is the result of the merger of Telematic.
- Control and Mechatronics Engineering (CMEG):** CMEG has a strong local and international reputation as a premier undergraduate (UG).
- Electronic and Computer Engineering (ECE):** The ECE Department is a result of a restructuring exercise of the Faculty of...
- Electrical Power Engineering (POWER):** The POWER department consists of 34 academic staff specializing in the fields of...
- Biomedical Engineering and Health Science (BEHS):** The BEHS Department was established since 2003 and was first known as the...

At the bottom of the page, there are sections for 'Premier Digital Tech Institution', 'How to apply' (for International Postgraduate Students and International Undergraduate Students), and 'Information For' (for Staff, Student, and Alumni). The footer includes the copyright notice: 'Copyright © 2023 | Faculty of Electrical Engineering, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia' and social media icons for Facebook and Instagram.

ANUGERAH WEBOMETRIK KATEGORI PTJ AKADEMIK (Fakulti/Sekolah)


School of Professional and Continuing Education (UTMSPACE)


Kriteria pembangunan laman web SPACE UTM adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh korporat UTM. Dibawah adalah kriteria yang telah dilaksanakan di dalam laman web SPACE UTM:

1. **Gaya Aturan Minimalis:** Memastikan reka bentuk laman web mengikut gaya aturan minimalis yang mempunyai elemen-elemen seperti navigasi, tajuk, dan kandungan yang disusun dengan teratur dan mudah di fahami.
2. **User-Friendly:** Memfokuskan pada pengalaman pengguna (*user experience*). Memastikan laman web mudah dinavigasi, dengan maklumat yang tersusun dengan baik.
3. **Kandungan yang Tepat dan Ringkas:** Isi kandungan laman web yang relevan dengan sasaran pengguna, maklumat yang penting dan ringkas.
4. **Mengoptimumkan SEO:** Memastikan laman web dioptimumkan untuk mesin pencari (SEO) dengan menggunakan kata kunci yang relevan dan mudah mesin pencari untuk mengindeksnya.
5. **Menggunakan Grafik dan Visual yang Efektif:** Menggunakan gambar, grafik, dan video dengan tren terkini.

Secara terperinci, laman web SPACE UTM memuatkan kandungan:

- Maklumat pengurusan SPACE UTM seperti carta VISI MISI dan MOTO, organisasi pentadbir, senarai staf yang bertanggungjawab pada program-program tertentu.
- Maklumat berkaitan akademik seperti program akademik separuh masa dan sepenuh masa, Joint Program, Antarabangsa dan Alumni
- Maklumat penyelidikan seperti senarai kumpulan penyelidik, anugerah- anugerah yang diterima, jurnal, persidangan dan geran.
- Maklumat pelajar semasa seperti pekeliiling, bantuan kewangan, asrama, dan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan.





- Maklumat target pelajar seperti kemasukan pelajar, permohonan dan tarikh-tarikh penting.
- Maklumat berita terkini dan semasa seperti berita kemasukan pelajar, aktiviti pelajar dan pengurusan SPACE UTM

Antara strategi untuk meningkatkan elemen webometrics

- Rekabentuk utama yang ke arah mesra pengguna dan minimalis
- Pautan-pautan dari sosial media dipautkan ke laman web utama
- Meletakkan informasi yang ringkas supaya mudah difahami oleh pelawat
- Meningkatkan SEO di laman web untuk memastikan kandungan mudah dicari oleh enjin carian.

Satu jawatankuasa portal telah diwujudkan bagi memperkasa sinergi pengurusan laman web SPACE UTM. Fungsi utamanya adalah menyediakan, menyemak dan memastikan isi kandungan di laman web SPACE UTM adalah tepat dan benar. Ia sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa dengan informasi dan bahan-bahan sebaran seperti poster dan brosur yang boleh dimuat naik dengan mudah.

Bermula pada tahun 2023, SPACE UTM melalui Jawatankuasa Portal telah merancang dan sedang membangunkan Portal SPACE UTM dengan menampilkan antara muka dan penampilan baharu.

SPACE UTM juga telah menerima beberapa anugerah iaitu:

1. MALAYSIA INFLUENTIAL INTELLECTUAL PROPERTY BRANDS AWARD 2022 daripada Majlis Tindakan Pengguna Negara.
2. Anugerah Kualiti Akademik (AKA) 2022
3. Anugerah Inovasi Perkhidmatan (AIP) 2022
4. MPC Showcase On Productivity Improvement Initiatives 2023

ANUGERAH WEBOMETRIK KATEGORI PTJ AKADEMIK (Fakulti/Sekolah)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, FSSH telah ditubuhkan pada Julai 2018, merupakan fakulti kedua terbesar di UTM, terdiri daripada gabungan lima entiti (Sekolah dan Akademi).




Dalam usaha meluaskan penggunaan teknologi maklumat, FSSH telah menjadikan laman web fakulti sebagai salah satu sumber maklumat, rujukan dan berita untuk dikongsi kepada warga fakulti, pelajar, pelanggan dan masyarakat luar. Laman web FSSH sentiasa dikemaskini dengan maklumat yang terkini, relevan dan lengkap untuk rujukan semua.

Dalam usaha meningkatkan elemen Webometrics, beberapa strategi telah dilakukan di antaranya ialah:

1. Menyediakan laman web yang ringkas namun mempunyai semua maklumat berkaitan staf dan kepakaran bidang, program akademik yang ditawarkan serta perkhidmatan yang disediakan oleh Fakulti.
2. Program yang diatur secara berkala seperti seminar dan pertandingan dimasukkan sebagai subdomain bagi memastikan maklumat adalah jelas, mudah dicapai serta memberi Backlink.
3. Penubuhan JK Digital Branding bagi membantu mempromosikan maklumat terkini di peringkat fakulti dalam web dan media sosial.
4. Penubuhan JK Data dan Sistem bagi membantu mengumpul maklumat mengenai aktiviti staf akademik dan PPP untuk dimuat naik dalam laman web dan media sosial.
5. Laman web FSSH digunakan sebagai portal maklumat yang boleh dicapai oleh pelajar untuk mendapatkan borang-borang, jadual waktu, jadual peperiksaan, pekeliling terkini dan berita-berita semasa dalam UTM, fakulti dan sekolah.



- Laman web FSSH dijadikan portal untuk capaian ke sistem-sistem dalaman yang telah dibangunkan untuk memudahkan pelajar dan staf seperti sistem eProjek dan sistem ePusat Sumber
- Kemasukan data dan berita dilakukan sendiri oleh empunya data samada dalam bentuk *Post* atau *Page* dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Pengurus IT secara berterusan.
- Capaian maklumat secara sistematik dan akses yang pantas telah diambilkira sebagai faktor utama dalam mereka bentuk laman web fakulti, hebahen maklumat di media sosial dan sistem maklumat sedia ada.



**ANUGERAH PENJENAMAAN
KATEGORI STAF AKADEMIK
(INDIVIDU)**

**Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin
Abdullah**
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan



Professor Madya Dr. Abdul Halim bin Abdullah, merupakan staf akademik di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau telah berkhidmat di UTM sejak 2006 dan kini hampir 18 tahun bersama UTM. Sebagai ahli akademik dan penyelidik UTM, pastinya segala bentuk sumbangan yang beliau hasilkan didedikasikan kepada UTM, tempatnya mencari rezeki. Prinsip hidup beliau ialah, apabila kita mengimpikan sesuatu, tekadkan azam di dada, usaha sebaik dan sedaya mungkin, doa dan tawakkal, dan selebihnya kita berserah kepada qada' dan qadar. Sesungguhnya kita merancang, namun perancangan Allah S.W.T adalah yang terbaik. Nama UTM sentiasa meniti di bibir beliau ke mana sahaja beliau tujui dan dijelmakan dalam sebarang karya yang beliau hasilkan dalam pelbagai platform penerbitan. Pencapaian tertinggi beliau ialah menerima Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu (ATHABM) 2022 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia serta penerima *International Scholar Exchange Fellowship (ISEF) of Korea Foundation for Advanced Studies 2019*.

Prinsip hidup apabila kita mengimpikan sesuatu, tekadkan azam di dada, usaha sebaik dan sedaya mungkin, doa dan tawakkal, dan selebihnya kita berserah kepada qada' dan qadar. Sesungguhnya kita merancang, namun perancangan Allah S.W.T adalah yang terbaik.

Pencapaian terkini (dalam tempoh 3-5 tahun kebelakang)

- Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu (ATHABM) 2022 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Anugerah Judul Paling Laris, Anugerah Bintang Kota Buku oleh Perbadanan Kota Buku pada tahun 2023,
- Penerima Anugerah Sanjungan kategori rencana popular oleh Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) 2023.
- Anugerah Penulis Dalam Jurnal Berindeks Fakulti 2022 Citra Karisma
- Anugerah Penulis Dalam Jurnal Berindeks Fakulti 2021 Citra Karisma
- Anugerah Penulis Dalam Jurnal Berindeks Fakulti 2022 Citra Karisma
- Penerima *International Scholar Exchange Fellowship (ISEF) of Korea Foundation for Advanced Studies 2019*.
- Pingat Emas NALI 2019 Exhibition and Competition "Keberkesanan Aplikasi X-Bar Dalam Penyelesaian Masalah Matematik Berayat Murid Tahun Lima"

ANUGERAH PENGANTARABANGSAAN

Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)

Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT) ditubuhkan pada tahun 2010 dengan berinspirasi Dasar Pandang ke Timur menggunakan pendekatan pendidikan kejuruteraan berorientasikan gabungan budaya Timur dan nilai-nilai murni dua Negara (Malaysia-Jepun). Seiring dengan slogan '*Engineering the Nation with Precision for Sustainable Development*', MJIIT merupakan Peneraju Global Pendidikan Kejuruteraan Berorientasi Jepun di Malaysia dengan sokongan 31 rakan konsortium universiti Jepun.

MJIIT telah menerajui aktiviti pengantarabangsa sejak penubuhannya, menjadikan MJIIT antara fakulti dengan jumlah keseluruhan tertinggi dalam aktiviti *inbound* dan *outbound*. Pada 2023, lebih daripada 50 orang pelajar MJIIT telah menyertai pelbagai program **outbound** di Jepun, Korea, Hong Kong, Indonesia, Amerika Syarikat, dll. melalui program *Sakura Science Exchange Programme*, pertukaran pelajar dan latihan industri di syarikat terkemuka. Bagi aktiviti **inbound**, lebih daripada 100 pelajar antarabangsa telah memilih MJIIT sebagai destinasi mobiliti akademik, penyelidikan dan pertukaran budaya seperti program *Summer School*, sangkutan penyelidikan di *i-kohza* terpilih, program pertukaran budaya di *Japanese Language & Cultural Centre (JLCC)*, dan sebagainya. Aktiviti *inbound* ini turut menyumbang kepada **aktiviti komuniti berimpak tinggi** melalui lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh *Disaster Preparedness and Prevention Center (DPPC)* bersama agensi antarabangsa dengan pelaksanaan pertukaran ilmu dan pembinaan kapasiti dalam pengurusan risiko bencana.

Pada 2023, secara purata MJIIT mempunyai lebih daripada **30 rakan kerjasama antarabangsa yang aktif** yang telah dimeterai dengan pelbagai dokumen kerjasama. MJIIT juga telah menjadi hos bagi Asia Oceania Five Universities Alliances (AOFUA) Summer Camp 2023 dan Dekan MJIIT dilantik sebagai Pengerusi kesatuan tersebut bagi tahun 2024-2025.

Untuk kelestarian hubungan Malaysia-Jepun, **Malaysia-Japan Lingkage (MJL) Office** telah ditubuhkan pada 10 April 2023 sebagai hub jaringan utama industri dan pendidikan Jepun di rantau ASEAN. Kejayaan MJIIT di peringkat antarabangsa juga dibuktikan apabila para penyelidik di MJIIT telah memperoleh **geran penyelidikan antarabangsa** yang melebihi RM4.5juta daripada pelbagai agensi luar negara pada tahun 2023. MJIIT menerapkan **lima (5) teras utama**, seperti berikut:

MJIIT menerapkan **lima (5) teras utama**, seperti berikut:



ANUGERAH PENGANTARABANGSAAN

Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)



En. Inagaki Yoshitaka, Ketua Perwakilan Pejabat JICA Malaysia bersama Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Ahmad Fauzi Ismail di tengah menunjukkan dokumen MoU yang ditandatangani antara UTM-JICA bagi penubuhan *Malaysia-Japan Lingkages (MJL) Office* pada 10 April 2023.



Delegasi bagi Lawatan Sambil Belajar Rwanda-Malaysia mengenai Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana berpeluang melawat ke kawasan yang terdedah kepada bencana di Resilience Living Lab Hulu Langat di antara 27 Ogos sehingga 3 September 2023.

ANUGERAH PENGANTARABANGSAAN

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

FKE mempunyai lebih 188 pakar akademik dalam bidang kejuruteraan Elektrik dan lebih daripada 100 makmal berkesinambungan daripada penggabungan 5 jabatan utama iaitu Jabatan Kejuruteraan Elektrik Kuasa, Jabatan Kejuruteraan Komunikasi, Jabatan Kejuruteraan Mekatronik dan Kawalan, Jabatan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan.

FKE dengan objektif yang sangat jelas; membina masa depan tanpa sempadan untuk membentuk pasukan pelbagai rentas disiplin (*multiple cross-disciplinary*) bagi menangani cabaran global. Merencanakan pelbagai bengkel dengan memfokuskan penyelidikan kejuruteraan seterusnya membantu universiti dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

FKE mempunyai lebih daripada 20 perjanjian antarabangsa yang aktif dalam bentuk LoC, MoU dan MoA. Perjanjian ini memberikan peluang untuk program pertukaran dan mobiliti pelajar dan staf (*inbound and outbound mobility*), penganjuran bersama persidangan yang berimpak dan seminar penyelidikan, penyeliaan bersama pelajar penyelidikan, kerjasama program akademik seperti program ijazah bersama (*joint degree*), peluang geran sepadan dan pelaksanaan *inbound* pejabat satelit yang pertama di FKE iaitu UTM-BRIN *satellite office*.

Program yang berbentuk *Summer Schools* juga rancak dijalankan di kalangan staf FKE yang telah memberikan penajaan mencecah RM 240,000 pada tahun 2023. Seramai 78 pelajar *inbound* dari luar negara dan 103 pelajar FKE *outbound* ke luar negara terlibat dalam program mobility pelajar pada tahun 2023.



ANUGERAH PENGANTARABANGSAAN

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Salah sebuah program sarjana muda di FKE iaitu *Bachelor of Engineering (Electrical-Mechatronics with Honours)* telah berjaya mendapat akreditasi daripada ASEAN University Network Quality Assurance (AUN-QA).

Selain itu, program akademik FKE iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Bioperubatan telah dijadikan salah satu program francais melalui Program Kerjasama Antarabangsa Qaiwan International University-UTM. Ini memberi peluang kepada pelajar tempatan di Iraq untuk mendapatkan pendidikan antarabangsa tanpa perlu belajar di luar negara.

Staf FKE juga telah menerima sebanyak 30 geran antarabangsa bersamaan dengan RM 3, 643, 671. Ini menunjukkan hubungan FKE dengan entiti antarabangsa yang kukuh dan ampuh.



UTM-BRIN konsortium telah diwujudkan bagi mempromosikan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam kerjasama aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Di bawah konsortium UTM-BRIN, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan *BRIN-UTM Satellite Office*. Hasil daripada kerjasama UTM-BRIN ini memanfaatkan 48 penyelidik dan dianggarkan bernilai sekitar RM2,220,852.00 secara keseluruhannya.

Selain itu, pada tahun 2023, dua staf FKE telah menerima anugerah World's Top 2% Scientist daripada Elsevier untuk kategori *Authors Career-Long Achievement*. Untuk kategori *Single Year Achievement* pula, seramai 4 orang mencapai anugerah ini.




ANUGERAH ISES Kategori Staf Akademik

Prof. Madya Dr. Hasrinah binti Hasbullah

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan
Kejuruteraan Tenaga

Profesor Madya Dr. Hasrinah binti Hasbullah merupakan seorang pentadbir akademik dan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT). Beliau memegang prinsip '*If you want to go fast, go alone, if you want to go far, go together*' sentiasa menjadikan amalan kerja berpasukan dalam menjalankan tugas. Beliau yakin dengan bekerja secara berpasukan amat diperlukan untuk mendapatkan pandangan secara keseluruhan sebelum pelaksanaan dapat dilakukan. Beliau yakin keputusan secara bersama perlu bagi mendapatkan kata sepakat dan menghasilkan keputusan yang terbaik.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, beliau sentiasa berusaha melaksanakan yang terbaik. Beliau sentiasa mengamalkan budaya kerja cemerlang dan berkualiti tinggi untuk menghasilkan output yang terbaik. Beliau yakin dengan melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan baik merupakan prinsip ajaran Islam dimana prinsip ini mengajar umatnya menjadi cemerlang.



Nilai kelestarian turut diterapkan dalam diri beliau dimana nilai ini membantu membina minda dan membudayakan amalan murni untuk kesejahteraan sejagat. Dalam memahami keperluan persekitaran yang lebih lestari, beliau telah menghasilkan projek penyelidikan melibatkan keselamatan air di mana projek ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

Nilai kelestarian turut diterapkan dalam diri beliau dimana nilai ini membantu membina minda dan membudayakan amalan murni untuk kesejahteraan sejagat. Dalam memahami keperluan persekitaran yang lebih lestari, beliau telah menghasilkan projek penyelidikan melibatkan keselamatan air di mana projek ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

ANUGERAH ISES
Kategori Bukan Akademik

Pn. Sarimah binti Satam
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan
Kejuruteraan Tenaga



Pn. Sarimah binti Satam merupakan seorang staf yang bertanggungjawab, berdedikasi dan tekun dalam melaksanakan tugas. Beliau yang berjawatan sebagai Setiausaha Pejabat di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT) memegang prinsip kejujuran dan amanah dalam melaksanakan tugas merupakan antara elemen utama dalam menanam kepercayaan pihak pengurusan serta dipermudahkan dalam segala urusan pekerjaan.

Beliau sentiasa berkerjasama dan berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan rakan sekerja terutamanya dalam pengurusan program sehingga pasukan beliau berjaya melaksanakan acara yang telah dirancang di PTJ. Beliau berpendapat kejayaan tersebut adalah hasil kerjasama dan kecemerlangan semua pihak dalam memainkan peranan dan fungsi masing-masing dalam satu kumpulan.

ANUGERAH PENTADBIR

Tn. Hj. Mohd Najib bin Masroom

Jabatan Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



Tn. Hj. Mohd Najib bin Masroom anak kelahiran Kota Tinggi Johor mula menyertai UTM pada tahun 2003 sebagai pegawai tadbir berstatus kontrak, dan seterusnya ditawarkan jawatan tetap pada tahun 2007 sebagai Penolong Pendaftar di kampus UTM Kuala Lumpur. Pernah dipinjamkan di Jabatan Pengajian Tinggi sebagai Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan & Inspektorat selama 3 tahun iaitu mulai 2010-2013 yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan Akta IPTS [Akta 555]. Beliau juga pernah diberikan kepercayaan oleh pihak pengurusan universiti untuk mengetuai pengoperasian harian kampus cawangan sebagai Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur mulai tahun 2020-2023. Terkini beliau adalah Timbalan Pendaftar di Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) mulai tahun 2024.

Beliau dikenali dalam kalangan rakan-rakan sebagai seorang yang berdisiplin, komited, namun berdiplomasi dalam melaksanakan tugas. Mengamalkan kepada prinsip hidup bahawa *memudahkan urusan orang lain itu satu tanggungjawab* menjadikan beliau sentiasa berusaha melaksanakan penambahbaikan proses kerja secara berterusan untuk memberikan yang terbaik kepada pemegang taruh di sepanjang kerjaya beliau di UTM.

Buat masa ini antara sumbangan berimpak yang telah beliau dilaksanakan adalah:

- 1) Menerajui usaha menyeragamkan format penulisan surat rasmi UTM. Format penulisan surat rasmi UTM yang ada sekarang ini menepati piawaian Arkib Negara Malaysia dan Pekeliling-Pekeliling Kerajaan yang berkaitan menerusi penerbitan Garis panduan Penulisan Surat Rasmi UTM pada tahun 2017.
- 2) Menerajui inisiatif penubuhan *one stop centre* perkhidmatan-perkhidmatan utama di kampus UTM Kuala Lumpur yang dikenali sebagai UTMKL Services. UTMKL Services ini merupakan tempat tumpuan utama warga kampus dan pemegang taruh lain seperti pelajar dan komuniti sekitar untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan utama di bawah satu bumbung. Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan antaranya ialah urusan visa pelajar antarabangsa, kewangan, akademik, keselamatan, kemudahan perubatan staf, mel, kad matrik, dan khidmat pelanggan.
- 3) Menerajui inisiatif pendefinisian semula kampus UTM Kuala Lumpur sebagai sebuah kampus cawangan. Sejak perpindahan UTM dari kampus Semarak ke kampus Skudai pada tahun 1988, UTMKL belum diwartakan sebagai sebuah kampus cawangan sebagaimana peruntukan dibawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Justeru Hj. Najib telah menggerakkan satu *taskforce* melaksanakan usaha sejak tahun 2017 untuk mendapatkan pewartaan UTMKL sebagai sebuah kampus cawangan. Usaha tersebut telah pun membuahkan hasil iaitu status UTMKL akan dimuktamadkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2024 ini.

ANUGERAH PENTADBIR HARAPAN

En. Mohd Subha bin Salleh Jabatan Pendaftar



Mohd Subha Bin Salleh merupakan Pegawai Teknologi Maklumat (F44) di UTMDigital yang dipinjamkan ke Jabatan Pendaftar. Beliau juga pernah ditempatkan Jabatan Perpustakaan UTM pada tahun 2015 sehingga 2019 sebagai Pengurus IT. Beliau kembali ke UTMDigital pada tahun 2019 dan dilantik sebagai salah seorang Ketua Projek Sistem UTMHR. Pada tahun 2021, beliau telah ditempatkan ke Jabatan Pendaftar sebagai Pengurus IT. Dengan penstrukturan semula bahagian di Pejabat Pendaftar pada tahun 2021, beliau telah dilantik sebagai Ketua Seksyen IT dan Data, Jabatan Pendaftar. Penubuhan Pusat Pengurusan Data Universiti (PPDU) pada tahun 2023 membolehkan beliau dilantik sebagai Ketua Seksyen Pengurusan Data, PPDU sehingga kini.

Beliau telah mewakili UTM semasa program/aktiviti anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkaitan data seperti MyMOHES (penarafan 5 bintang), SETARA (penarafan Berdaya Saing), HRMIS (KPI 100%) dan MyRA. Di peringkat Universiti, beliau terlibat secara langsung di dalam penubuhan PPDU, urusetia pembangunan Dashboard LPU, urusetia Sistem HRMIS UTM, urusetia Mesyuarat Sistem Utama Universiti dan penyedia data bagi keperluan MyRA, THE, QS World University Rankings dan banyak lagi. Beliau juga telah melaksanakan inisiatif penggunaan Perisian Sumber Terbuka (*Open Source*) untuk Sistem ID Berpusat UTM, Sistem Eportfolio Pelajar, *High Performance Computing* (HPC) dan *Library Management System* (LMS) bagi tujuan penjimatan kos kepada universiti

Di peringkat Universiti, beliau juga adalah salah seorang Hulubalang yang membawa Keris Ganja Seiras Melela semasa Majlis Konvokesyen UTM dari tahun 2021 sehingga sekarang. Di Jabatan Pendaftar beliau telah dipilih sebagai Yang Dipertua Badan Kebajikan Staf Jabatan Pendaftar (BAKUPEN) bagi sesi 2022-2024. Selain itu beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Kontinjen yang membawa seramai 150 atlet Jabatan Pendaftar semasa *University Staff Games* (USG), UTM 2023.

Beberapa pencapaian oleh beliau termasuk memenangi Best Project Award untuk Professional Certificate in Data Science 2023, Anugerah Khas Pendaftar di Majlis Anugerah Permata Gemilang (MAPG) 2023 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Staf di Majlis Citra Karisma UTM tahun 2010 dan 2017. Beliau juga telah membantu Jabatan Perpustakaan (2015) dan Jabatan Pendaftar (2022) menjadi Johan Anugerah Teknologi Maklumat di Majlis Citra Karisma UTM. Selain itu, beliau juga telah membantu UTM menerima Bronze Award untuk perkhidmatan E-Portfolio pelajar UTM di National University Carnival On E-Learning pada tahun 2014.

Prinsip hidup yang dipegang oleh beliau adalah "Bila kita permudahkan tugas orang lain, Allah akan permudahkan tugas kita".

ANUGERAH TOKOH PENYELIDIK

Prof. Dr. Juhana binti Jaafar Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga



Professor Ts. Dr. Juhana Jaafar merupakan Pengarah di Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC) dan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dari UTM dan telah berkhidmat di UTM selama 17 tahun iaitu sejak tahun 2007.

Prof. Juhana merupakan seorang penyelidik dalam bidang teknologi membran untuk aplikasi sel bahan api (*fuel cells*) dan rawatan air tercemar. Sehingga kini, beliau telah mengetuai lebih 50 projek penyelidikan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa dengan jumlah keseluruhan projek bernilai RM6.9 juta.

Beliau juga telah menyelia seramai 39 orang pelajar PhD dan 25 orang pelajar Sarjana. Selain itu, beliau juga telah menyelia lebih daripada 15 orang pelajar sangkutan dari luar negara termasuk Indonesia, Rusia, Perancis, Jepun, India dan Thailand.

Hasil daripada pembabitan aktif beliau dalam bidang penyelidikan, beliau telah berjaya menerbitkan hampir 500 penerbitan berikdeks Scopus/WoS dan salah satu daripada penerbitan beliau telah berjaya diterbitkan di dalam jurnal terbilang iaitu jurnal Applied Catalysis B: Environment and Energy dengan faktor impak bernilai 22.1. Selain itu, lebih 50% daripada keseluruhan penerbitan beliau adalah terdiri daripada penerbitan dalam jurnal kuartil 1 dan 2. Penerbitan ini telah menyumbang kepada nilai H-indeks 55 dengan jumlah sitasi hampir 12,000.

Beliau telah menerima beberapa pengiktirafan akademik dan penyelidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuklah Top Research Scientist Malaysia 2023, Ketua Editor *Frontiers in Membrane Formation and Structure*, Ketua Program Translational Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 bagi bidang fokus Teknologi Watan dan beliau juga telah ditaja sebagai penyelidik jemputan oleh Meiji University, Jepun, AUNSEED-Net untuk *Short-term Research Program* di Jepun dan Short-term visit program di negara-negara ASEAN. Projek inovasi yang diketuai beliau juga pernah menerima anugerah *The Most Distinguished Award*, *The Grand Prize Award* dan *Best of the Best Award* di pelbagai pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa.

Selain itu, beliau juga merupakan salah seorang Lembaga Pengarah di sebuah Syarikat hiran UTM iaitu Filt Us Sdn Bhd di mana syarikat ini membangunkan dan mengkomersialkan produk teknologi membran. Sebagai Inovator Utama, beliau telah menghasilkan 11 harta intelek berstatus *granted* iaitu 5 paten dan 6 hakcipta.

ANUGERAH TOKOH AKADEMIK

Prof. Dr. Naomie binti Salim Fakulti Komputeran



Prof. Dr. Naomie Salim telah berkhidmat hampir 35 tahun di UTM dan kini merupakan Pengarah UTM Big Data Center. Beliau aktif mengajar, serta melaksanakan perundingan, penyelidikan dan penulisan dalam bidang berkaitan data, termasuk pangkalan data, capaian maklumat, dan perlombongan data. Beliau telah terlibat dalam pembangunan kurikulum pelbagai program akademik, 50 pelajar PhD telah bergraduan di bawah seliaan beliau. Dari segi penyelidikan, beliau terlibat dalam penghasilan algoritma untuk meningkatkan keberkesanan pencarian dan perlombongan maklumat dari pelbagai jenis data.

Hasil penyelidikan beliau menjadi asas kepada beberapa perisian termasuk UTMChemical Workbench, KimiaSpace dan NADI Natural Products Database System untuk menyokong rekabentuk ubat-ubatan; UTMCLPD *Cross Language Plagiarism Detection System* untuk meringkaskan dokumen dan menyemak plagiat merentas bahasa serta Orichack untuk menyemak keserupaan dokumen dari segi idea. Beliau telah mengetuai 34 projek penyelidikan bernilai lebih RM 4.7 juta. Beliau telah menerbitkan 448 kertas kerja ilmiah dan mempunyai lebih 8693 sitasi. H-index Scopus terkini beliau ialah 32.


Beliau telah dinobatkan sebagai 2020 Malaysia *Top Research Scientist* oleh Akademi Sains Malaysia. Beliau juga merupakan finalis Anugerah SEARCC 2016 Asia Pacific Researcher of the Year. Anugerah-anugerah inovasi lain yang pernah diterima beliau termasuklah pingat emas PECIPTA 2011, pingat emas I-inova 2010, pingat gangsa BioInnovation 2011, pingat emas iPhex 2014, Anugerah Penyelidikan Terbaik UTM 2011 dan Anugerah Penyelidikan Terbaik UTM 2014. Inovasi beliau dan kumpulannya, ADiBA, digunakan oleh Jabatan Digital Negara (JDN, dahulunya MAMPU) untuk pelaksanaan Dasar Raya Sektor Awam di seluruh negara. Enjin sentimen beliau yang direka khusus untuk media sosial Malaysia diambil oleh JDN sebagai salah satu asas untuk enjin analisa sentimen media sosial negara. Inovasi juga beliau telah memberi manfaat kepada pelbagai organisasi melalui pelbagai penyelidikan kontrak dan perundingan yang diketuainya, antara lain MMHE, JCorp, SSM, SWCorp, dan Jabatan Akauntan Negara.

Prof. Naomie merupakan ahli Jawatankuasa Teknikal Dasar Perkongsian Data Negara dan merupakan Ketua Perunding Blueprint Universiti Berpacuan Data UTM. Beliau pernah menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Akreditasi Universiti dan mengetuai beberapa *Task Force* di peringkat universiti. Beliau merupakan ahli Senat UTM sejak 2014, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah FSKSM (2005-2011) dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi Fakulti Kejuruteraan UTM (2017-2021). Beliau pernah dilantik sebagai profesor pelawat di Sudan University of Science and Technology (2014-2018) dan UiTM Shah Alam (2016-2017), selain Felo Japan Society for Promotion of Science (2017).

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN


**Sistem Pengurusan Pendanaan UTM (SPD)
Bahagian Pemajuan Universiti
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)**

Selaras dengan agenda negara dalam kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) untuk meningkatkan sistem penyampaian dan tadbir urus Universiti, Bahagian Pemajuan Universiti yang berperanan menguruskan pendanaan UTM tidak ketinggalan untuk terus maju dalam meningkatkan dana Endowmen dan dana Wakaf Pendidikan yang mudah, cepat dan boleh diakses secara dalam talian sama ada dari dalam dan luar negara. Sistem Pengurusan Pendanaan (SPD) ini boleh diakses melalui laman sesawang (<https://fundraising.utm.my>) dan aplikasi UTMSmart. Penyumbang akan menerima resit sumbangan secara automatik melalui emel penyumbang. Lebih memudahkan lagi, SPD menerusi aplikasi UTMSMART berupaya menjana Penyata Sumbangan Endowmen kepada penyumbang dalam kalangan staf UTM.



Rajah 1 : Arkitektur Integrasi Fundraising – Pay2UTM

Impak dari projek ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan pendanaan Universiti secara maya yang diuruskan oleh Bahagian Pemajuan Universiti. Pada tahun 2023 sebanyak RM321,035.45 telah dikumpulkan dengan jumlah 7,642 orang penyumbang yang mengakses SPD. Manakala sehingga Mei 2024, jumlah kutipan dana adalah berjumlah RM181,775.71 dengan 4,708 orang penyumbang.



Rajah 2 : Input-Process-Output bagi Integrasi Fundraising ke Pay2UTM

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

Sistem Pengurusan Pendanaan UTM (SPD) Bahagian Pemajuan Universiti Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Inisiatif pendanaan Universiti juga menitikberatkan penjimatan dan kecekapan tadbir urus. Idea untuk membangunkan Sistem Pengurusan Pendanaan UTM (SPD) telah dilaksanakan secara sinergi dari pelbagai jabatan di UTM, khususnya Bahagian Pemajuan dan Jabatan Bendahari serta Jabatan Perkhidmatan Maklumat yang memiliki kepakaran Teknologi Maklumat. Menerusi platform ini, ianya dapat meningkatkan integriti dan mengurangkan ketirisan kewangan kerana semua urusan transaksi sumbangan derma tunai dilaksanakan secara *online* dan *cashless*. Sistem ini juga memudahkan kerja, menjimatkan masa serta meminimumkan penggunaan sumber manusia. SPD adalah sistem yang mesra pengguna, mudah digunakan, cepat, lengkap dan selamat serta mesra alam, iaitu tanpa penggunaan kertas (*paperless*) serta tiada kos penghantaran resit kerana sistem beroperasi sepenuhnya secara dalam talian. SPD dilaksanakan secara komprehensif oleh jabatan, sekolah dan pusat tanggungjawab, persatuan, staf, pelajar dan pihak luar bagi aktiviti pengumpulan dana. Selain itu, ianya dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) UTM dalam pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Universiti dengan kerjasama pihak luar UTM yang melibatkan pengumpulan dana.

SPD sangat berpotensi untuk dikomersialkan kepada institusi dan industri yang berminat. Pembangunan SPD juga dapat menambah harta intelek Universiti dengan mendaftarkannya sebagai Hakcipta UTM.



Kumpulan Projek Sistem Pengurusan Pendanaan UTM

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

Pengukuhan Proses Terimaan Hasil Pelajar Menerusi Sistem MyAIMS (Kewangan) Jabatan Bendahari UTM

Ikumpulan Inovator Fintech telah menghasilkan projek bertajuk "Pengukuhan Terimaan Hasil Pelajar Melalui MyAIMS Kewangan". Projek ini merupakan hasil kerjasama yang cemerlang antara Seksyen Kewangan Pelajar di Jabatan Bendahari dan Bahagian Inovasi Digital, UTMDigital. Objektif utama projek adalah untuk menangani cabaran dalam pengurusan kewangan pelajar dengan memperkenalkan penyelesaian inovatif yang praktikal dan berkesan dalam skop terimaan hasil pelajar menerusi bayaran dalam talian. Pendekatan ini diharapkan membawa perubahan positif dalam pengurusan perkhidmatan universiti.

Salah satu impak yang paling ketara daripada projek ini adalah pengurangan ketara dalam masa tunggu untuk kemaskini terimaan yuran pelajar di akaun pelajar dari 3 hari berkerja kepada hanya 30 minit. Selain itu, pelaksanaan automasi dalam rekod ke lejar am telah berjaya mengurangkan beban kerja staf sambil meningkatkan ketepatan data. Langkah ini merupakan tindakan proaktif yang telah diambil untuk meningkatkan efisiensi operasi dalam pengurusan terimaan yuran pelajar.

FINTECH INNOVATORS



 Lily Suriyani binti Mahadi Penolong Bendahari Kanan W44 Jabatan Bendahari	 Ahmad Riza'ain Bin Yusoff Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44 UTM Digital
 Norafitri binti Buradi Penolong Bendahari Kanan W44 Jabatan Bendahari	 Raziman Bin Zakaria Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44 UTM Digital
 Muhammad Ilham bin Rahim Penolong Akauntan W29 Jabatan Bendahari	 Shafika Hani Binti Mohd Bakri Pegawai Teknologi Maklumat F41 UTM Digital
 Nazirah binti Mohd Nazer Pembantu Tadbir P/O N22 Jabatan Bendahari	 Amir Hamzah Bin Ismail Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32 UTM Digital
 Nuramirah Haziqah binti Mohd Hadzil Pembantu Tadbir (Kewangan) W19 Jabatan Bendahari	 Norsharina Binti Abu Bakar Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 UTM Digital

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

Pengukuhan Proses Terimaan Hasil Pelajar Menerusi Sistem MyAIMS (Kewangan) Jabatan Bendahari UTM



Projek ini juga telah memudahkan proses pembayaran untuk pelajar antarabangsa dengan pengenalan Flywire. Ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan tetapi juga mengekalkan reputasi UTM sebagai institusi pendidikan yang progresif dan responsif terhadap keperluan global.

Melalui platform MyAIMS Kewangan, inovasi sebegini kini sedang diperluaskan kepada bidang lain di Seksyen Kewangan Pelajar Jabatan Bendahari. Pelbagai proses kerja yang lebih berkesan diperkenalkan, termasuk semakan automasi dalam penyesuaian maklumat terimaan secara dalam talian, integrasi maklumat yuran dengan sistem kemasukan pelajar, serta pembangunan modul-modul sistem yang membolehkan penyelenggaraan sendiri oleh pengguna. Langkah ini jelas menunjukkan komitmen UTM dalam meningkatkan efisiensi dan kecekapan dalam pengurusan kewangan pelajar serta memenuhi keperluan semasa dan masa depan.



ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

UTM MOOC Library Skills Jabatan Perpustakaan UTM

Kumpulan VISIBLE Jabatan Perpustakaan UTM (JPUTM) telah ditubuhkan pada tahun 2019 dengan moto ***Kreativiti dan kolaborasi ke arah penyelesaian inovatif.*** Kumpulan diketuai oleh Puan Haliza binti Zainal, Pustakawan Kanan dan ahli Kumpulan adalah Cik Haslina binti Othman, Timbalan Ketua Pustakawan Ilmu Pengetahuan Institusi (Penyelaras); Dr. Nazrinda binti A. Samah, Pustakawan Kanan; Encik Muhammad Hazim bin Yusof, Pustakawan Kanan; Encik Muhammad Afiq Izzuddin bin Mat Jari, Pustakawan; Encik Mohd Azmi bin Haji Jufri, Pembantu Pustakawan Kanan dan Encik Salihuddin bin Bakri, Pembantu Pustakawan Kanan.




UTM MOOC Library SKL

Kumpulan Visible

						
Haslina Othman	Haliza Zainal	Dr. Nazrinda A. Samah	Muhammad Hazim Yusof	Muhammad Afiq Izzuddin Mat Jari	Salihuddin Bakri	Mohd Azmi Jufri
Timbalan Ketua Pustakawan	Pustakawan Kanan	Pustakawan Kanan	Pustakawan Kanan	Pustakawan	Pembantu Pustakawan Kanan	Pembantu Pustakawan Kanan

Innovating Solutions



The screenshot shows the 'Featured Courses' section of the UTM MOOC website. It lists three courses:


- HIGHWAY ENGINEERING**: 1,407 Students
- MALAYSIAN CARBON REDUCTION AND ENVIRONMENTAL**: 134 Students
- LIBRARY SKILLS**: 784 Students

The 'LIBRARY SKILLS' course card is highlighted with a red border. Below the course cards, a text box states: "UTM Library conducts Library Skills programs with the purpose of guiding students and staff to enhance their..."

Program Pendidikan Pengguna merupakan perkhidmatan teras yang ditawarkan oleh JPUTM. Bermula dari tahun 2020 program ini diberikan nafas baharu dengan memperkenalkan akses mudah di platform Open Learning UTM *Massive Open Online Courses* (MOOCs) dan dikenali sebagai **UTM MOOC - Library Skills**. Kursus dalam talian ini boleh dicapai di <https://mooc.utm.my/courses/library-skills/>

ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

UTM MOOC Library Skills Jabatan Perpustakaan UTM



Category	Activity	Progress
Home	Welcome to UTM Library	Completed: 1 of 1
Announcements	Introduction to Library Information Resources	Completed: 1 of 1
Ask Your Librarian!	Research Information Literacy for Undergraduate	Completed: 1 of 1
Learning Activities	How to download UTM publication?	Completed: 1 of 1
	How to access to online databases?	Completed: 1 of 1
Course Feed	Research Methodology Workshop	Completed: 1 of 1
Search	Research Methodology Workshop	Completed: 1 of 1
	Where to publish?	Completed: 1 of 1
	Endnote for Windows (Reference Manager)	Completed: 1 of 1
	Turnitin (Text Matching Software)	Completed: 1 of 1

Teknologi MOOCs menggabungkan platform digital dengan prinsip pembelajaran dalam talian yang lancar, terancang, fleksibel tanpa sekatan lokasi dan masa serta terbuka secara meluas kepada pelbagai pelajar. Ia menyediakan akses kepada kursus melalui video kuliah, bahan bacaan, ujian, dan interaksi komuniti dalam talian. Teknologi ini memanfaatkan keupayaan internet untuk menyampaikan pendidikan kepada ribuan pelajar secara serentak, memperluaskan capaian dan impak pendidikan secara global dengan kos yang rendah.

Modul **UTM MOOC - Library Skills** dilindungi oleh hak cipta yang memainkan peranan penting dalam melindungi hak karya intelektual dan diperolehi dari MyIPO pada 20 Disember 2023. Kursus ini telah disertai oleh lebih dari 800 orang pelajar dari dalam dan luar negara dan pensijilan digital UTM MOOCs diberikan kepada setiap pelajar yang tamat kursus. Pelajar berjaya menguasai literasi maklumat mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran semasa dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Pencapaian tertinggi diperolehi pada tahun 2021 selaku Pemenang Pertama AIP Tahun 2020 bagi inovasi Perkhidmatan Online Chat. Manakala, merupakan Pemenang Kedua tahun 2022, finalis tahun 2020, 2024 dan penarafan 3 bintang tahun 2023.

ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) (JTNICHEPA) UTM komited memastikan Pembangunan Pelajar dan Kesejahteraan Pelajar selari dengan strategik objektif dan matlamat Universiti dalam enVision 2021 - 2025.

Tumpuan utama 4 Strategik Objektif JTNICHEPA yang diukur melalui pencapaian *High Impact Results* turut menyokong kepada visi untuk "Menjadi instusi peneraju pembangunan bakat global" dan misi "Memperkasakan pelajar dengan program berimpak tinggi melalui persekitaran bersinergi & kondusif".

Penghujung tahun 2023 berlakunya transformasi penjenamaan dan penggabungan JTNICHEPA yang menjadikannya kepada 10 bahagian utama iaitu (1) Bahagian Governan & Pentadbiran, (2) Bahagian Aktiviti & Pembangunan Pelajar, (3) Pusat Kecemerlangan Sukan, (4) Pusat Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling, (5) Pusat Kerjaya, (6) Pusat Kesihatan Universiti, (7) Pejabat Pengetua Kolej Kediaman, (8) UTMXCITE, (9) UTM Alumni dan (10) Pejabat HEPA UTM KL yang berperanan sebagai peneraju dalam mengukuhkan penyampaian perkhidmatan.

Antara pencapaian berimpak JTNICHEPA adalah melalui pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang telah melalui Audit Pengawasan SPK Universiti dengan jayanya tanpa sebarang NCR bagi tahun 2023. Di samping itu, JTNICHEPA turut menerima pengiktirafan Anugerah Teknologi Maklumat 2022 Citra Karisma 2023, serta terlibat aktif dalam program-program kualiti seperti Pembudayaan OSHE, Pelestarian Pejabat, Pengurusan Risiko dan Pengurusan Pelanggan.



ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

JTNCHEPA turut menjadikan pencapaian Kebolehpasaran Graduan (GE) sebagai indikator dalam mengangkat nama UTM sebagai Universiti Awam pertama yang menerima Dana Kebolehpasaran Graduan MyNext oleh TalentCorp, juga penerima Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan KPT serta penerima *Talentbank Graduate Choice Award*. UTM turut menduduki tempat pertama GE Nasional 2022 dengan peratusan 99.0%, serta merangkul tempat pertama Graduan Pendapatan Premium dan Berkemahiran Tinggi. JTNCHEPA juga dijadikan penanda aras oleh Universiti dan Institusi Luar seperti UTeM, UMPSA, UTHM, UPSI, UUM, UiTM, PYDC, UCTATI, UMJ-QCA dan lain-lain. Ini membuktikan impak keberkesanan terhadap Pembangunan Mahasiswa Holistik dan Bersifat Global bertepatan dengan Strategik Objektif “Bakat holistik melalui program pembangunan pelajar”.



Sepanjang tahun 2023, sebanyak 1,902 program pembangunan pelajar telah dijalankan termasuk program khusus bersama pelanggan seperti *UTM Career Carnival*, *Hari Terbuka UTMPeace*, *UNBOCS Carnival*, *UTM Top Bidder*, *Design Thinking Workshop*, *Sustainable Entrepreneurial Mindset Showcase (SEMS)* dan *Nescafe Youth Entrepreneur Programme*.

Direkodkan 16 inovasi, salah satunya adalah Pembangunan Perkhidmatan FAQ @utmhepcare menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan *ChatGPT* untuk menjawab soalan mengenai operasi JTNCHEPA secara automatik dan berjaya menyelesaikan 96% pertanyaan. Inovasi lain adalah pembangunan aplikasi *e-Voting Election System* untuk pengundian calon MPP dan lintas langsung statistik undian secara dalam talian. Visi JTNCHEPA terus dipacu dengan sinergi Jabatan lain serta kerjasama erat semua pemegang taruh.

ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Jabatan Pendaftar

Jabatan Pendaftar merupakan salah satu jabatan pentadbiran utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan operasi universiti, memastikan sistem tadbir urus yang berkualiti, dan memberi nasihat dalam hal-hal pengurusan serta pentadbiran universiti. Penubuhan jabatan ini selaras dengan peruntukan jawatan Pendaftar di universiti di bawah Seksyen 10(1) Akta 30, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Sejak penyertaan pertama pada tahun 2015, Jabatan Pendaftar telah menerima pengiktirafan 4 bintang bagi Anugerah Kualiti Perkhidmatan UTM. Ini seiring dengan misi Jabatan Pendaftar untuk menerajui tadbir urus, pengurusan bakat, dan sumber melalui penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi dan *agile* yang memenuhi keperluan pemegang taruh berdasarkan nilai teras universiti. Jabatan ini mempunyai lapan bahagian utama yang telah disusun bagi memastikan pengurusan governan, pengurusan dan pembangunan bakat, pengurusan akademik, pengurusan kemudahan dan kualiti perkhidmatan, serta pengurusan data dan keselamatan kampus berada pada tahap cemerlang.



Pemantapan pengurusan kualiti menjadi pemacu utama usaha berterusan Jabatan Pendaftar ke arah penyampaian berprestasi tinggi, yang dibuktikan melalui kejayaan audit persijilan MS ISO 9001:2015 selama 19 tahun berturut-turut oleh SIRIM Berhad sejak tahun 2004. Sepanjang tahun 2023, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan melebihi jangkaan pelanggan. Selain itu, pelbagai inovasi telah dibangunkan dan Jabatan Pendaftar telah menerima kunjungan daripada agensi dan syarikat swasta untuk program penanda aras.

ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Jabatan Pendaftar

Kesejahteraan staf adalah asas kecemerlangan Jabatan Pendaftar. Hasil soal selidik kesejahteraan staf menunjukkan 78% staf Jabatan Pendaftar berada pada tahap emosi yang tinggi. Ini membantu jabatan untuk terus komited dalam memberikan perkhidmatan berprestasi tinggi dan penambahbaikan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan.

Pelbagai pendekatan holistik telah diperkenalkan sepanjang tahun 2023, khususnya untuk meningkatkan indeks kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pendaftar, bagi memastikan perkhidmatan terbaik disampaikan kepada pelanggan secara konsisten dan sejajar dengan piagam pelanggan Jabatan Pendaftar.

MOTTO

Menerajui tadbir urus, pengurusan bakat dan sumber melalui penyampaian perkhidmatan berprestasi tinggi dan *agile* bagi memenuhi keperluan pemegang taruh berlandaskan nilai teras Universiti.



ANUGERAH KUALITI (PERKHIDMATAN)

Jabatan Perpustakaan UTM

Jabatan Perpustakaan UTM (JPUTM) bertekad mendepani cabaran dunia teknologi masa hadapan dengan memperkasa penyampaian perkhidmatan dan sumber ilmu pengetahuan yang berkualiti dan terkini.

Perpustakaan mendokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 melalui penajaran Pelan Tindakan UTM *enVision* 2025 yang mentransformasi pengajaran, pembelajaran dan pemeraksanaan budaya penyelidikan yang responsif. Konsep Perpustakaan Digital diperkasa melalui Projek Integrasi Sistem Pemprofilan Pengguna bagi menyokong keperluan maklumat pemegang taruh.

Pembangunan pelantar penyelidikan yang menyokong strategi tujuan korporat universiti iaitu *Fantastic Four* telah menzahirkan komitmen JPUTM dalam menyokong peradaban penyelidikan melalui perkongsian maklumat terpilih dan terkini. JPUTM menyumbang sejumlah 763 data mentah penyelidikan di *Malaysia Open Science Platform* bagi menyokong Dasar Sains Terbuka. Penganjuran *International Symposium on Citizen Science (ISoCS2023)* seterusnya membawa JPUTM ke persada antarabangsa serta membuka ruang kolaborasi strategik bersama Akademi Sains Malaysia, CitizenScience.Asia dan Universitas Negeri Malang. Ia melibatkan seramai 167 peserta daripada pelbagai negara.



